

Jilid I
Bil. 9



Hari Jumaat
17hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH:

Y.B. Tuan Gooi Hock Seng [Ruangan 1113]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1113]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan [1986]:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 7 [Ruangan 1151]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

USUL:

Anggaran Pembangunan [Tambahan] [Bil. 1] 1986:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud P. 7 [Ruangan 1151]

Maksud P. 14 [Ruangan 1168]

Maksud P. 17 [Ruangan 1196]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN
HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.,
P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan
Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M.
(Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN
SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR
SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD
BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR
STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar).**
- „ **Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).**
- „ **Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).**
- „ **Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).**
- „ **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).**
- „ **Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).**
- „ **Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).**
- „ **Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S, B.S.I. (Sri Gading).**
- „ **Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).**
- „ **Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).**
- „ **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).**
- „ **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).**
- „ **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).**
- „ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).**
- „ **Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).**
- „ **Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).**

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN ABDUL MULOK *alias* AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).

Yang Berhormat TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).

- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).

- Yang Berhormat TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- .. TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (BATU BERENDAM).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (KAMPAR).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS (Mas Gading).

- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N.,
S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 17hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Gooi Hock Seng.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

NELAYAN—MENANGKAP IKAN

1. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau bercadang untuk menjadikan nelayan (menangkap ikan) sebagai satu bidang pekerjaan yang diminati oleh penduduk-penduduk kawasan pantai.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini sangat am. Jawapan kepada soalan ini, ya. Kerajaan sedang dan telah mengambil langkah untuk menjadikan menangkap ikan satu bidang pekerjaan yang diminati oleh penduduk-penduduk kawasan pantai, serta mengambil langkah-langkah seperti berikut:

(a) memperkenalkan perkakas menangkap ikan yang

mempunyai dayamaju ekonomi yang baik dan juga tidak merosakkan sumber.

(b) memberi khidmat sokongan melalui tunjukajar dan demonstrasi teknologi menangkap ikan serta pengendalian ikan yang lebih berkesan supaya dapat meningkatkan produktiviti dan nilai tambahan hasil pendaratan.

(c) kajian mengawalselia sumber ikan bagi memastikan sumber dan kawasan yang baru yang mempunyai potensi yang tinggi.

(d) memberi latihan dan kemahiran dalam bidang penyelenggaraan dan pengendalian bot menangkap ikan, pukut dan enjin.

(e) mengadakan kemudahan pendaratan ikan di beberapa tempat tertentu seperti jeti dan kompleks ikan di Geting, Kuala Kedah, Batu Maung, Kuala Sedili, Pulau Kambing, Kuala Terengganu dan pelabuhan pendaratan ikan di Chendering, Kuala Terengganu. Kemudahan-kemudahan serupa itu juga telah dan akan diberi kepada semua negeri di Sabah dan Sarawak khususnya di Mukah, Belawai, Miri, Bintulu, Kuching dan Sibul.

(f) mengadakan kemudahan kredit dengan syarat-syarat yang mudah; serta memberi galakan dan insentif supaya perusahaan perikanan laut dalam dapat dipertingkatkan.

- (g) memberi perlindungan keselamatan kepada nelayan semasa di laut melalui kemudahan-kemudahan penguatkuasaan Jabatan Perikanan sendiri dan juga dengan cara penubuhan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim yang dianggotai oleh Jabatan Perikanan, Jabatan Polis dan TLDM.
- (h) mengadakan program penempatan semula nelayan lebih supaya nelayan yang tinggal di sektor perikanan dapat menikmati pendapatan yang lebih tinggi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan penangkap-penangkap ikan di seluruh Malaysia menghadapi beberapa halangan yang ditentukan oleh Kerajaan seperti Akta Perikanan 1985 yang telah menjejaskan peluang-peluang bagi penangkap-penangkap ikan, khususnya di kawasan-kawasan pantai. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan mencadangkan akan melonggarkan Akta Perikanan yang ada pada masa sekarang.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya maksud pihak Kementerian telah meluluskan Akta ini di dalam Dewan yang mulia ini pada satu ketika dahulu ialah untuk memberi perlindungan kepada para nelayan tempatan khasnya daripada kawasan perairan kita dicerobohi oleh nelayan asing. Bagaimana yang kita sedia maklum, nelayan-nelayan tempatan ini sentiasa menjadi mangsa nelayan-nelayan asing dan oleh kerana itu pihak Kementerian dan Kerajaan telah menimbangkan supaya Akta ini diadakan untuk memelihara kepentingan nelayan tempatan kita.

Pertanyaan beliau adakah tidak pihak Kerajaan untuk menimbangkan

supaya melonggarkan Akta ini, ini kita harus membuat penelitian yang teliti sebelum kita membuat apa-apa pindaan terhadap Undang-undang tersebut.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan nelayan-nelayan menangkap ikan dan banyak insentif-insentif yang telah pun diberi.

Saya ingin tahu oleh sebab untuk menjalankan usaha menangkap ikan maka nelayan-nelayan perlu mendapat lesen-lesen membina bot-bot baru sama ada bot-bot sederhana atau bot-bot yang besar, sama ada Kerajaan mencadangkan untuk mengeluarkan lagi lesen-lesen ini dan berapakah lesen-lesen baru yang akan dikeluarkan dan apakah jenis-jenis lesen-lesen yang akan dikeluarkan dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pecahan masing-masing tersebut mengikut kawasan-kawasan pantai timur, pantai barat dan mengikut kawasan negeri-negeri?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak sukar sedikit dapat jawapan yang begitu tepat daripada pihak Kementerian. Bagaimana yang telah dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat tadi, ada beberapa tempat jajahan iaitu para nelayan membuat rayuan supaya mendapat lesen yang baru supaya mereka dapat menerokai berbagai tempat di perairan lautan kita. Ini adalah benar.

Sebelum pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan memberi apa-apa lesen yang tertentu haruslah pihak Jabatan Perikanan Malaysia membuat penelitian dahulu. Jikalau benda itu memang benda yang priority, dengan izin, kita harus menimbang tetapi pada ketika ini saya minta maaf dengan

Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak dapat memberi angka mengikut negeri atau mengikut tempat lesen yang harus diberi untuk keperluan para nelayan dan apakah jenis lesen yang akan diberi, ini saya minta notis, saya tidak dapat memberi angka yang sebenarnya pada ketika ini.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN DI SEREMBAN— KESESAKAN

2. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar keadaan penuh sesak dan kurang selesa di pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di Seremban, seperti kekurangan alat-alat pejabat, kemudahan bilik ruangan menunggu bagi orang awam dan juga nyatakan sama ada apa-apa rancangan supaya memperbaiki kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Rancangan Malaysia Keempat.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan di Seremban sedang menghadapi kesesakan dan keadaan-keadaan yang kurang selesa bagi orang ramai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pengangkutan telah merancang untuk membina sebuah pejabat baru bagi menggantikan pejabat yang ada sekarang. Sebidang tanah seluas 16 ekar telah pun kita perolehi di Mukim Rantau untuk tujuan tersebut. Kerja-kerja pembangunan akan dimulakan sebaik sahaja ekonomi kita pulih.

2. Dr Chen Man Hin minta Menteri

Pertua, adakah beliau sedar alat-alat office equipment, dengan izin, sangat kurang dan yang ada adalah sangat lama, berumur barangkali 20 tahun lebih. Oleh sebab itu efficiency sangat

kurang. Kalau kompleks itu tidak akan dibina sekarang, bolehkah bagi alatan-alatan office itu sekarang?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, agaknya Yang Berhormat itu tidak pergi ke situ di akhir-akhir ini, kerana Kementerian saya telah pun membelanjakan sebanyak \$157,600 untuk membaiki alat-alat kelengkapan, kenderaan pejabat, tandas awam, pengubahsuaian keadaan bahagian perdagangan, membaiki kebocoran bumbung, bilik pegawai dan tempat menunggu awam.

PEMBINAAN JALAN-JALAN DAN LEBUHRAYA

3. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kerjaraya menyatakan apakah kedudukan pembinaan jalan daripada:

- (a) Kerling ke Frasers Hill;
- (b) Kerling ke Batang Berjuntai; dan
- (c) Kuala Lumpur ke Tanjung Malim

dan bilakah kerja-kerja tersebut dijangka bermula dan siap.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Kerling ke Bukit Fraser dan Jalan Kerling ke Batang Berjuntai adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Selangor. Mengikut maklumat yang diterima oleh pejabat saya, kerja-kerja penyiasatan tanah dan mereka-bentuk Jalan Kerling ke Bukit Fraser sedang dilaksanakan. Manakala Jalan Kerling ke Batang Berjuntai, urusan bayaran pampasan sedang diuruskan.

Berhubung dengan tarikh dijangka bermula dan siap pembinaan jalan tersebut, saya tidak dapat menentukan

perkara ini kerana ianya tertakluk kepada pihak berkuasa negeri yang berkenaan.

Mengenai Jalan Kuala Lumpur/Tanjung Malim, ianya adalah termasuk dalam rancangan penswastaaan Lebuhraya Utara/Selatan yang sekarang dalam peringkat pertimbangan ke atas cadangan yang telah pun dikemukakan oleh beberapa konsortium. Lebuhraya ini dijangka akan dilaksanakan sedikit masa lagi dan dijangka siap dalam tahun 1990 atau 1991.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri, adakah beliau bercadang Jalan Kuala Lumpur ke Tanjung Malim menggunakan simen dan memberi perbezaan kos di antara material cement, dengan izin, dan material conventional, dengan izin?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan arahan yang diterima oleh Kementerian Kerjaraya daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam semua jalan iaitu sejumlah 902 kilometer masuk dalam projek penswastaaan adalah lebih kurang 504 kilometer bercadang untuk mengadakan jalan simen iaitu lebih daripada 225 kilometer untuk memberi peluang kepada kontraktor untuk menggunakan barang-barang pengeluaran daripada tanahair kita iaitu simen dan juga keluli.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Soalan tambahan. Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar jalan-jalan yang dibina oleh Kerajaan ataupun swasta sama ada jalan ini merupakan jalan highway atau sebagainya menghadapi berbagai-bagai jenis kerosakan dalam masa yang tidak lama selepas pembinaan itu seperti berlobang-lobang dan sebagainya?

Jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian menentukan supaya jalan-jalan yang dibina itu benar-benar mempunyai mutu tinggi di mana kos untuk service, dengan izin, jalan-jalan tersebut tidak memakan belanja yang begitu banyak? Terima kasih.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Tetapi berkenaan dengan lebuhraya seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar tadi, tidak ada apa-apa masalah kerosakan sebab kerosakan itu adalah satu tindakan sejarah dahulu.

Pada masa sekarang Kementerian saya telah mengambil beberapa keputusan dan juga kajian untuk memperbaiki jalan dengan taraf yang lebih baik dan juga boleh digunakan oleh kenderaan-kenderaan yang lebih berat daripada apa yang kita mempunyai sekarang dan saya harap pada masa depan kita tidak akan menghadapi masalah seperti ini. Tetapi berkenaan jalan-jalan di negeri, negeri adalah di dalam kuasa negeri masing-masing, dan mereka tidak mengikuti dengan taraf yang dikenalkan oleh Kementerian saya. Dalam perkara itu, dan, saya tidak mempunyai apa-apa kuasa; jikalau masuk dalam kuasa saya, saya akan mengambil tindakan.

SUKATAN PELAJARAN AGAMA DI SEKOLAH MENENGAH

4. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan telah mengumumkan untuk menyelaraskan sukatan pelajaran di Sekolah-sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri-negeri di Malaysia Barat ini supaya tidak terdapat

perbezaan antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain, juga dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di bawah Kementerian Pelajaran sendiri; bilakah penyelarasan itu akan dilaksanakan; dan

- (b) adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak merundingkan dengan Kerajaan Negeri bagi mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah tersebut.

10. Tuan Haji Mohamed bin Haji Yaacob minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil alih semua sekolah-sekolah agama di seluruh negara untuk diselaraskan seperti sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian Pelajaran.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Pelajaran dan Kerajaan tidak ada mengumumkan sedemikian.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah menggubal Sukatan Pelajaran Agama Islam Biasa dan Sukatan Pelajaran Agama Islam Tinggi. Sekolah Menengah Kebangsaan menggunakan Sukatan Pelajaran Agama Islam Biasa, sementara Sekolah Menengah Kebangsaan Agama menggunakan kedua-dua sukatan pelajaran tersebut.

Sekolah-sekolah Agama yang bukan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran ada juga menggunakan kedua-dua sukatan Pelajaran Agama Islam yang digubal oleh Kementerian Pelajaran. Di samping itu sekolah-sekolah tersebut juga menggunakan Sukatan Pelajaran Agama Islam yang digubal oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran tidak boleh mewajibkan sekolah-sekolah yang bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran, mengikuti Sukatan Pelajaran digubal oleh Kementerian Pelajaran. Penggunaan sukatan pelajaran tersebut sebenarnya terpulang kepada budi bicara Kerajaan Negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bahagian kedua soalan ini, saya mohon menjawabnya bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang iaitu soalan No. 10 pada hari ini juga.

Kementerian Pelajaran tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengambil alih pentadbiran Sekolah-sekolah Menengah Agama Islam daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Bagi sekolah-sekolah agama yang digolongkan sebagai sekolah agama Islam rakyat pula, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengambil alih pentadbiran semua sekolah tersebut kerana perkara ini adalah di luar kemampuan Kementerian Pelajaran.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah ketidak-penyelarasan sukatan pelajaran di sekolah-sekolah menengah agama Kerajaan Negeri selama ini memberi kesan:

- (a) terhadap penggunaan buku-buku teks;
- (b) keputusan peperiksaan;
- (c) pertukaran sekolah di kalangan pelajar-pelajar mahupun guru.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan kuasa negeri. Itu tak boleh ditanya di sini, sebab itu bukan kuasa Federal.

PERDAGANGAN TERUS DENGAN NEGERI CHINA

5. Tuan Hu Sepang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilakah Kerajaan bercadang mempunyai perdagangan terus menerus dengan negara China dan menyatakan apakah sebab berlakunya kelewatan dalam perkara ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi sebab-sebab ini apabila ia dikenal pasti.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sebenarnya telah pun mempunyai perdagangan secara terus dengan Republik Rakyat China (RRC). Ini telah dilaksanakan melalui sistem perlesenan di mana barang-barang yang diimport terus dari RRC sahaja akan diberi lesen import (AP) kecuali barang-barang yang mudah rosak, alat-alat jentera serta bahan-bahan mentah untuk kegunaan industri tempatan.

Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi untuk mengukuhkan perdagangan secara terus adalah keengganan pihak China untuk memberi taraf agensi kepada syarikat-syarikat tempatan serta menjamin bekalan yang mencukupi.

Ini menyebabkan syarikat-syarikat tempatan terpaksa mendapatkan bekalan barangan China dari negara-negara ketiga. Kerajaan sentiasa menggesa pihak RRC untuk memperbaiki keadaan ini dan melantik lebih banyak syarikat-syarikat tempatan sebagai agen bagi barangan China dan seterusnya memberikan bekalan yang mencukupi seperti yang diperlukan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, sama ada Kerajaan

Malaysia menggalakkan pelabur-pelabur daripada negeri China untuk melabur di negara kita ini seperti contohnya mendirikan kilang-kilang dan sebagainya.

Soalan yang kedua, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar ataupun tidak bahawa amat susah bagi usahawan-usahawan daripada negeri China untuk mendapatkan visa lawatan perniagaan ke negara kita ini, sedangkan negara kita mempunyai hubungan diplomatik dengan negeri China? Kalau dibandingkan dengan Singapura, saya difahamkan mereka hanya memerlukan masa tiga ataupun empat hari sahaja untuk mendapatkan visa. Begitu juga ada masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan negara kita ini untuk mendapatkan kebenaran daripada Kerajaan untuk melawat ke negeri China.

Jadi itu menimbulkan kesusahan bagi kedua-dua pihak untuk mempertingkatkan lagi usaha perdagangan di antara kedua buah negara itu. Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perkara ini berlaku, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelabur-pelabur dari negeri China, pada masa sekarang ini oleh kerana ekonomi Malaysia meleset, kita tidak menggalakkan pelabur-pelabur asing dari negeri China dan kita hanya menggalakkan perdagangan sahaja.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi menurut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri agaknya Kerajaan tidak menggalakkan pelaburan-pelaburan dari negara asing terutama negeri China, sebab negara kita menghadapi kemelesetan ekonomi, sedangkan sebenarnya dalam keadaan

kemelesetan ekonomi sekarang ini, kita mestilah menggalakkan lebih banyak pelaburan.

Soalan yang kedua ialah, adakah agen-agen yang dilantik oleh pihak pedagang-pedagang Malaysia, selepas dipilih sebagai agen bagi pihak RRC, adakah mereka itu perlu membayar komisyen kepada PERNAS semasa mengimport barang-barang dari RRC?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pada masa sekarang pihak PERNAS mendapat ½% komisyen atas barang-barang yang diimport dari RRC. Tetapi tujuan diadakan komisyen ini bagi barang-barang yang diimport dari RRC adalah untuk membiayai kerja-kerja bersangkutan dengan dasar untuk melaksanakan perdagangan secara terus dengan negeri China. Di antara kerja-kerja tersebut, termasuklah menganjurkan rombongan ke Pameran Perdagangan Canton dan ke bandar-bandar di Republik Rakyat China, dan memproses permohonan-permohonan bagi lesen import serta menganjurkan lawatan pedagang-pedagang RRC ke Malaysia juga. Pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan perkara komisyen tersebut.

RUMAH BANGLO KERAJAAN— SENGGARAAN

6. **Drs Suleiman bin Mohamed** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah beliau sedar bahawa beberapa buah kuarters jenis banglo telah jahanam dan ditumbuh dengan lalang kerana tidak disenggara dengan sempurna dan tidak didiami seperti yang terdapat di beberapa tempat di Wilayah Persekutuan seperti yang berada di kawasan berhampiran Taman Perdana dan Jalan Temerloh dan beberapa tempat lain. Apakah langkah-langkah yang Kementerian

beliau akan ambil supaya tapak-tapaknya boleh digunakan untuk tujuan yang berekonomik.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat yang terdapat di kawasan Taman Tasik Perdana itu yang berjumlah 5 buah telah diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada pertengahan tahun ini untuk digunakan sebagai sebahagian dari projek pengindahan Taman Tasik Perdana. Kini rumah-rumah berkenaan beserta dengan kawasan sekelilingnya berada di dalam keadaan yang bersih dan terjaga. Kementerian saya telah difahamkan bahawa rumah-rumah, beserta dengan kawasan sekeliling, akan dijaga dengan sewajarnya sebelum projek yang dicadangkan itu dilaksanakan, yang dijangka bermula pada awal tahun 1987 nanti.

Mengenai rumah-rumah di jalan Temerloh pula ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa rumah-rumah buruk yang terdapat di kawasan itu pada suatu ketika dahulu telah pun dirobokkan dan kawasan berkenaan telah dipagar, kecuali sebuah rumah sahaja yang masih tinggal dan tidak selamat untuk didiami, kerana keadaan tanah di kawasan rumah itu didapati mendap. Jabatan Kerja Raya sedang membuat ujian makmal "time test" untuk memastikan sama ada rumah berkenaan selamat diduduki, ataupun perlu dirobokkan seperti rumah-rumah yang lain di kawasan itu. Saya difahamkan bahawa ujian makmal itu akan siap dalam tempoh 6 bulan akan datang. Cadangan telah dibuat untuk membina rumah-rumah baru di kawasan Jalan Temerloh itu di dalam Rancangan Malaysia Kelima, tetapi cadangan itu telah tidak dipertimbangkan oleh kerana keadaan kewangan negara tidak mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan bahawa rumah-rumah Kerajaan di beberapa tempat yang lain adalah dijaga dengan baik dan keadaannya agak memuaskan. Buat masa ini tiada apa-apa cadangan dibuat ke atas kawasan perumahan Kerajaan di beberapa tempat yang lain itu kerana rumah-rumah di situ berada dalam keadaan baik dan masih didiami.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Kerjaraya membenarkan rumah-rumah yang banyak kosong di Kuala Lumpur ini yang dipunyai oleh Kerajaan diberi kepada persatuan-persatuan seumpama Palang Merah, St. John dan sebagainya untuk mereka menggunakan aktiviti-aktiviti mereka di tempat yang tersebut? Apa yang saya dapat tahu ada permohonan-permohonan yang seumpama ini tetapi ditolak oleh Kementerian. Saya ingin bertanya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bukan ditolak oleh Kementerian tetapi ditolak oleh Menteri (*Ketawa*). Ada juga masa bila Kementerian memberi sokongan untuk memberi rumah tetapi saya sendiri tolak sebab pada permulaannya mereka masuk seperti rumah setinggan, sudah duduk sahaja tidak dapat dikeluarkan lagi. Ada juga banyak di antara persatuan-persatuan meminta kebenaran untuk menggunakan bangunan-bangunan itu untuk satu bulan atau dua bulan, selepas itu 10 tahun pun dia tidak mahu keluar dan Kementerian saya ada juga banyak rancangan yang kita tidak boleh jalankan seperti apa yang kita rancang dalam Kementerian. Sebab itu saya tidak mahu cadangan daripada Ahli Yang Berhormat ini atau Ahli-ahli yang lain kerana saya harap ini akan menjadi satu sejarah

baru. Saya harap rumah-rumah itu lebih baik digunakan oleh Kerajaan sahaja jikalau Kerajaan mahu.

PROGRAM UNTUK BELIA

7. **Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan dalam masa negara mengalami kelembapan dan penurunan ekonomi terdapat peluang-peluang pekerjaan dalam sektor awam dan swasta yang semakin terhad. Usaha Kerajaan melatih dan mewujudkan belia niaga dan belia peladang adalah wajar; sejauh manakah usaha ini telah dilaksanakan sepenuhnya dan apakah usaha-usaha, langkah-langkah serta program jangka pendek dan panjang yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi memastikan rancangan ini mencapai kejayaan dan matlamat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa berusaha untuk mewujudkan satu masyarakat belia yang berdikari dalam bidang perniagaan dan pertanian. Dua program utama telah dilaksanakan iaitu Rancangan Belia Niaga dan Rancangan Belia Peladang. Kedua-dua program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan telah mencapai kejayaan. Ia boleh dianggap sebagai skim yang viable bagi matlamat jangka panjang untuk melahirkan satu budaya niaga dan tani moden bagi generasi akan datang. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima Kementerian saya telah diperuntukan sebanyak \$17 juta bagi melaksanakan rancangan Belia Berniaga dan \$8 juta bagi rancangan Belia Peladang. Namun demikian kelulusan sebenarnya pada tiap-tiap tahun ada tertakluk kepada kemampuan kewangan negara.

Dato' Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah difahamkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan banyak memberikan bantuan-bantuan kepada belia-belia niaga di dalam negeri kita ini. Saya juga difahamkan bahawa bantuan-bantuan ini disalah gunakan dan jika perkara ini benar, apakah tindakan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini penggunaan bantuan-bantuan di bawah Rancangan Belia Niaga adalah amat memuaskan. Namun demikian, kalau ada apa jua kes di mana ada penyelewengan ataupun salah guna bolehlah dilaporkan kepada pihak Kementerian melalui Pengarah Kebudayaan, Belia dan Sukan peringkat Negeri dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Dr Eng Seng Chai: Adakah Menteri berkenaan ambil pertimbangan pendatang haram yang sekarang merampas peluang-peluang bekerja dan berniaga daripada orang-orang tempatan maka sesiapa sudah menerima latihan dan bantuan dari Kementerian Yang Berhormat kemudian tidak akan dapat peluang-peluang dan kerja?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tindakan mengusir pendatang haram bukanlah di bawah Kementerian saya.

BAYARAN PAMPASAN PEKERJA

8. **Tuan P. Patto** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan bertambahnya bilangan majikan-majikan yang tidak membayar faedah pemberhentian kerja kepada pekerja-pekerja mereka dan juga tunggakan gaji apabila perniagaan mereka dalam "receivership" dengan menuntut

bahawa pekerja-pekerja adalah "bukan secured creditors" dan oleh yang demikian hendaklah menunggu "secured creditors" menerima apa yang mereka berhak menerima, sebab-sebab mengapa beliau enggan meminda Akta Syarikat (Companies Act) untuk memperuntukkan penyelesaian bayaran-bayaran yang pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja berhak menerima dibuat terlebih dahulu sebelum sebarang bayaran dibuat kepada "secured creditors".

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang terdapat di dalam Akta Syarikat, 1965 pada masa ini sudah pun mengimbangkan kepentingan pekerja, majikan dan pemiutang. Buat masa ini Kerajaan tidak fikir kita perlu mengubah imbalan ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak bertanya Timbalan Menteri, biasanya kepada syarikat-syarikat, dengan izin, going to receivership, juga tidak berbayar wang KWSP kepada pekerja-pekerja mereka. Mengapa Akta Syarikat tidak dipinda untuk memerlukan syarikat-syarikat tersebut membayar wang KWSP terdahulu kepada pekerja-pekerja tersebut? Soalan kedua, biasanya pekerja-pekerja yang tidak menerima faedah pemberhentian menerima wang gaji sebanyak \$1,500 sahaja dan mengapa Akta Syarikat tidak dipinda untuk membolehkan wang gaji itu ditingkatkan lebih daripada \$1,500?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan pertama, kita ada satu Akta iaitu Employers Provident Fund Act, dengan izin, dan syarikat-syarikat yang berkenaan mengikuti undang-undang di dalamnya sahaja. Berkaitan soalan kedua, seseorang majikan tidak boleh melewati bayar gaji dan saya ingat bayaran \$1,500 ialah satu angka yang adil.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Ali.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Yaacob.

Tuan Haji Mohamed Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10 telah pun dijawab sekejap tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan R. Karpal Singh tidak hadir)

PINJAMAN MARA—TINDAKAN

12. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh MARA terhadap para peminjam yang masih belum menjelaskan pinjaman.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang telah diambil oleh MARA terhadap para peminjam yang masih belum menjelaskan pinjaman adalah seperti berikut:

Menghubungi dan mendesak peminjam-peminjam supaya menjelaskan pinjaman mereka melalui surat-surat peringatan;

Berbincang dengan peminjam-peminjam serta mencari jalan bagaimana caranya mereka akan menjelaskan pinjaman;

Memberi kelonggaran kepada peminjam untuk membayar balik pinjaman dengan cara melanjutkan tempoh pinjaman serta menjadualkan semula ansuran bayaran balik;

Mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang ke atas peminjam-peminjam dan penjamin-penjamin sebagai langkah terakhir untuk mengutip balik wang pinjaman MARA;

Tindakan penguatkuasaan undang-undang diambil ke arah melelong tanah cagaran bagi pinjaman yang bercagarkan tanah, mengikut Peraturan Kanun Tanah Negara, seksyen 254 sehingga seksyen 265;

Tindakan mahkamah ke atas peminjam serta penjamin-penjamin bagi pinjaman yang menggunakan penjamin, mengikut Peraturan "Subordinate Court Rule", dengan izin;

Tindakan merampas kenderaan ataupun mesin bagi pinjaman-pinjaman untuk membeli kenderaan atau mesin, mengikut Peraturan seksyen 5 Akta Sewa Beli, 1967 dan seksyen 8 dan 9, dengan izin, Bills of Sales Ordinance, 1950.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat yang berkenaan itu memberi penerangan yang lanjut mengenai tempoh ansuran itu diberikan kepada peminjam-peminjam yang belum dijelaskan bayaran ataupun pinjaman itu. Berapa lamakah tempohnya akan diberi supaya pinjaman itu dapat dijelaskan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lama pinjaman ini diberikan kepada peminjam-peminjam bergantung kepada "viability" ataupun sama ada projek-projek itu ada daya maju. Seandainya MARA mendapati bahawa ada peluang-peluang projek ini ada daya maju di masa-masa yang akan datang, maka MARA akan memberikan masa bagi peminjam-peminjam ini untuk membayar balik pinjaman.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memberitahu Dewan ini bahawa setakat ini berapakah jumlah wang pinjaman telah dipinjam oleh pihak MARA.

Soalan berikut, berapa peratus wang pinjaman itu telah dijelaskan oleh para peminjam-peminjam?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sejak pinjaman ini diberikan, sebanyak \$234 juta telah pun diberi pinjaman oleh MARA.

Berkenaan dengan peratusnya, saya perlukan notis.

RUSUHAN DI SABAH— SIASATAN

13. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan jawatankuasa penyiasatan ke atas rusuhan, membakar rumah dengan sengaja dan perihal mengebom di Sabah pada Mac 1986, dan mengemukakan kertas putih di Parlimen, jikalau tidak, mengapa; sama ada itu merupakan muslihat Kerajaan untuk menutupi penjenayahan beberapa orang ahli politik yang tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan jawatankuasa penyiasat ataupun mengemukakan kertas putih oleh kerana kerja-kerja siasatan telah pun dimulakan oleh pihak polis sejak bulan Mac 1986 ke atas pihak-pihak yang terlibat di dalam kejadian-kejadian tersebut dan Kerajaan berpuashati dengan siasatan yang dijalankan oleh polis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil daripada siasatan polis itu, seramai 29 orang telah

dituduh setakat ini di mahkamah di bawah Akta Polis kerana mengadakan perarakan haram. Beberapa orang lain yang disyaki terlibat dalam kejadian-kejadian berkenaan telah dikenalpasti dan siasatan terperinci masih diteruskan oleh pihak polis.

Kerajaan tidak pernah dan tidak akan melindungi sesiapa yang melanggar undang-undang negara ini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengemukakan satu laporan yang lengkap untuk dikemukakan di Parlimen ini kerana rusuhan itu sangat serius dan siapakah yang bertanggungjawab setakat ini dan mengapakah mengambil masa yang begitu panjang untuk peristiwa yang begitu penting yang menjejaskan iklim pelaburan negara ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, atas soalan yang pertama itu kita akan kaji keburukan dan kebaikannya atas permohonan yang telah dibuat oleh Wakil Rakyat yang tersebut.

Tentang mengapakah perkara ini mengambil masa yang lama, kerana siasatan-siasatan yang terperinci terpaksa kita adakan kerana kita tidak mahu ada pihak-pihak yang teraniaya daripada tindakan-tindakan yang kita lakukan. Kalau sudah pasti bahawa pihak-pihak yang tertentu itu membuat salah, kita telah pun mengambil tindakan. Tetapi jikalau sekiranya kepastian belum dibuat, maka siasatan lanjut harus dijalankan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan jawapan yang diberi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dikatakan hanya 29 orang terlibat dalam perarakan haram yang telah didakwa di dalam mahkamah, adakah

Timbalan Menteri boleh menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini hanya 29 orang dapat disyaki terlibat dalam perarakan haram itu ataupun ada beberapa lagi masih dalam siasatan dan akan dibawa ke mahkamah pada masa yang akan datang ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya jumlah yang ditangkap ialah 1,189 orang. Jumlah yang menyerah diri seramai 1,657 orang, tetapi yang telah didakwa di mahkamah ialah 29 orang dan ramai lagi masih dikaji dengan teliti.

PENJAJA TANPA LESEN— TINDAKAN

14. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah penjaja yang sekarang menjaja dalam Kuala Lumpur dan peratusan penjaja yang berniaga tanpa lesen dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa untuk melesenkan penjaja-penjaja ini.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Jun, 1986 adalah dianggarkan terdapat sebanyak 25,042 orang yang terlibat dengan aktiviti penjajaan di Kuala Lumpur. Daripada jumlah ini seramai 10,775 atau 43% adalah penjaja tanpa lesen.

Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk menolongkan penjaja-penjaja dan memberi peluang perniagaan kepada mereka dengan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) Dewan Bandaraya telah mensyaratkan semua bangunan perniagaan bertingkat dan kompleks membeli-belah menyediakan gerai-gerai penjaja, di samping menyediakan tapak-tapak

penjaja yang moden dari masa ke semasa, sama ada secara penswastan atau sebagai projek Dewan Bandaraya;

- (ii) Menutup jalanraya-jalanraya untuk digunakan sebagai Pasar Malam, seperti Jalan Tuanku Abdul Rahman dan jalan-jalan di kawasan perumahan di sekitar Wilayah Persekutuan.

Dengan adanya tindakan sedemikian, Kementerian berharap ianya akan dapat melesenkan lebih ramai lagi penjaja-penjaja dan memberi peluang kepada penjaja-penjaja tanpa lesen untuk menjaja di tempat-tempat yang disediakan. Namun demikian, lesen-lesen menjaja hanya akan dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa tindakan penguatkuasaan yang amat keras sentiasa diambil terhadap penjaja-penjaja yang tidak berlesen. Tindakan penguatkuasaan seperti menahan alat-alat atau barang-barang perniagaan penjaja-penjaja yang tidak berlesen telah pun menjejaskan kehidupan penjaja-penjaja dan keluarga mereka dan tindakan penahanan ini mengambil masa sekurang-kurangnya 2 minggu hingga 3 bulan.

Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Menteri akan mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya membatalkan segala tindakan penguatkuasaan, terutamanya tindakan penahanan.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk mengarahkan pihak Penguatkuasaan daripada mengambil tindakan terhadap penjaja-penjaja haram kerana apa juga tindakan yang diambil terhadap mereka yang

berkenaan adalah penjaja-penjaja yang sentiasa mengganggu perjalanan dan aliran lalulintas, mengotorkan kawasan-kawasan serta mencero bohi kawasan-kawasan taman dan tanah persendirian ataupun di hampiran sekolah-sekolah. Jadi, kepada mereka yang berkenaan kita terpaksa mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak benar penjaja-penjaja yang tiada berlesen boleh berniaga sekiranya mereka tidak menggangu-gugat jalanraya-jalanraya, benarkah ada di antara penjaja-penjaja yang asalnya bukan orang Malaysia menjual sate yang bukan daging halal. Dan kalau ia, apakah tindakan diambil ke atas mereka?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalnya ialah berkenaan dengan penjaja-penjaja Kuala Lumpur tanpa lesen, bukan bersangkutan-paut dengan menjual apa-apa sate (*Ketawa*), sate ayamkah, sate apakah.

Yang Berhormat Dr V. David.

(Soalan No. 15 Y.B. Dr V. David tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mutang Tagal.

PENDAPATAN PETANI/NELAYAN DI LIMBANG/LAWAS

16. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan apakah rancangan-rancangan besar-besaran dan kecil-kecilan yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi kawasan Bahagian Kelima (Limbang dan Lawas) khususnya, dan Sarawak amnya supaya kegiatan pertanian dan perikanan dapat diperhebatkan serta

dipermodenkan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani dan nelayan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas bahawa Kerajaan akan terus melaksanakan pembangunan pertanian dan perikanan dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk mempertingkatkan taraf hidup kaum petani dan nelayan. Oleh yang demikian di Bahagian Kelima Sarawak, program pembangunan bagi tanaman, ternakan dan juga perikanan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dan agensi-agensi lain di mana penekanan diberi kepada pembangunan kawasan. Oleh kerana menternak kerbau merupakan satu kegiatan yang penting yang diamalkan oleh penternak di Bahagian Kelima, program pembangunan untuk kerbau telah diberi penekanan khas. Di bawah program ini, dua kawasan bertempat di Limbang dan Lawas, satu-satunya berongkos \$½ juta ringgit akan dimajukan. Selain dari itu, sebanyak \$1 juta ringgit akan digunakan untuk memajukan halaman-halaman kerbau di daerah-daerah Limbang dan Lawas di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kelima ini. Di samping itu, sebuah stesen pembiakan kerbau di Bahagian Kelima yang bertujuan untuk mengeluarkan anak kerbau betina (heifers) baka baik untuk penternak-penternak kerbau juga telah dicadangkan untuk pelaksanaan.

Oleh kerana padi ialah tanaman utama di Bahagian Kelima, keutamaan adalah diberi bagi tanaman ini di mana 1,909 hektar daripada 13,050 hektar yang dicadangkan untuk seluruh negeri Sarawak di bawah program Skim Bantuan Penanaman Padi akan dilaksanakan di Bahagian Kelima. Tanaman-tanaman lain seperti koko, kelapa dan lain-lain akan juga dilaksanakan di tempat-tempat

yang sesuai. Untuk memastikan para petani-petani dapat menyesuaikan dan menggunakan teknologi-teknologi baru, program pembangunan berasaskan sistem Latihan dan Lawatan (2L) akan terus dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Kegiatan-kegiatan Persatuan Peladang dalam kawasan-kawasan di Bahagian Kelima ini akan diberi keutamaan, khasnya untuk memajukan petani-petani supaya mereka dapat menjadi kumpulan yang lebih produktif dan berdikari.

Bagi kaum nelayan di daerah Lawas khasnya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan menubuh sebuah Persatuan Nelayan di Awat-Awat pada tahun ini. Jabatan Perikanan Laut pula bercadang untuk melatih 700 nelayan di dalam teknologi sebelum tangkapan dan lepas tangkapan di negeri Sarawak. Dari jumlah ini, 140 adalah dari daerah Limbang dan Lawas. Selain dari itu pembinaan pangkalan (jetty) ikan telah pun dirancangan bagi Kuala Lawas untuk memudahkan pemunggaan dan pengendalian tangkapan dan bekalan.

Bagi pembangunan pertanian di seluruh negeri Sarawak khasnya pembangunan tanah secara estet, agensi-agensi seperti Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) dan Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah Sarawak (LCDA) akan masing-masingnya memaju 7,700 hektar dan 10,405 hektar untuk tanaman kelapa sawit, koko, rumbia dan kopi. Di samping itu, SALCRA juga akan melaksanakan tanaman kelapa sawit dan koko seluas 11,200 hektar dan LCDA 10,000 hektar di kawasan-kawasan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Samarahan dan Kalaka-Saribas.

Satu kajian Rancangan Perspektif Pertanian untuk seluruh negeri

Sarawak meliputi jangka masa kini sehingga tahun 2000 telah dirancangan. Bagi Bahagian Kelima satu kajian bersama bagi kajian kemungkinan yang meliputi sempadan Sabah-Sarawak sedang dijalankan. Ini bertujuan untuk merangka Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu untuk Kawasan Sempadan.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar tentang satu keputusan kajian yang telah dibuat oleh, dengan izin, World Wild Life Fund, iaitu mengenai dengan kesan daripada kilang papan kertas yang ditempatkan di daerah Sipitang, Sabah, yang berdekatan dengan Brunei Darussalam dan juga dengan kawasan saya, iaitu mengikut pakar-pakar daripada World Wild Life Fund bahawa apabila sisa-sisa daripada penggunaan ataupun pemerosesan kayu-kayan di kilang itu mengalir ataupun masuk ke dalam perairan Laut China Selatan berhampiran dengan daerah Sipitang, Labuan dan juga Brunei Bay dan juga kawasan saya, maka penghidupan, iaitu ikan-ikan yang hidup di dalam perairan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta pendek sedikit soalan itu.

Tuan Mutang Tagal: di dalam perairan itu akan mati. Oleh kerana itu, jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, apakah langkah-langkah yang diambil supaya penghidupan ikan-ikan di dalam perairan itu tidak terjejas di dalam masa yang akan datang?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, nasib baik Ahli Yang Berhormat itu telah membuat laporan begini. Nanti saya hubungi pihak Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar supaya menelitikan kejadian itu (*Ketawa*).

KEMALANGAN NUKLEAR DI CHERNOBYL, RUSSIA

17. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan setakat mana Pusat Penyelidikan Nuklear Tun Dr Ismail (PUSPATI) dan Unit Tenaga Nuklear sedang mengawasi pencemaran bahan radioaktif dari loji nuklear Chernobyl dan adakah kita berupaya menyatakan bahawa Malaysia tidak terkena. Adakah semua makanan yang diimport dari Soviet Union dan Eropah telah diperiksa dengan rapi untuk memasti pencemaran radioaktif sebelum diedar ke pasaran.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kemalangan nuklear di Chernobyl, Russia, satu Kumpulan Petugas telah ditubuhkan yang diselaraskan oleh Unit Tenaga Nuklear. Bagi memastikan bahawa negara ini dan rakyatnya tidak terdedah kepada bahaya akibat kemalangan tersebut, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (1) mempertingkatkan pengawasan alam sekeliling;
- (2) menjalankan pemeriksaan ke atas orang-orang yang telah berada di Russia dan negara jirannya semasa dan selepas kemalangan Chernobyl; dan
- (3) mengawal bahan-bahan makanan yang diimport dari negara-negara yang mendapat cemaran radioaktif.

Keputusan pengawasan alam sekeliling menunjukkan bahawa bahan radioaktif yang terlepas daripada reaktor kuasa nuklear Chernobyl tidak sampai ke negara kita. Walau bagaimanapun, bahan radioaktif ini masih boleh tiba ke sini melalui orang-orang, barang-barang dan bahan-bahan makanan yang tercemar yang masuk ke Malaysia.

Dari pemeriksaan yang dilakukan ke atas orang-orang yang telah berada di Russia dan negara-negara jirannya semasa dan selepas kemalangan Chernobyl, didapati beberapa orang mempunyai cemaran radioaktif hanya pada kasut mereka. Orang-orang ini hanya dibenar meninggalkan lapangan terbang setelah kasut-kasut yang tercemar itu telah dinyahcemarkan, ataupun telah dibersihkan dengan cemaran radioaktif. Mereka yang terlibat ini juga telah menjalani pemeriksaan di Unit Tenaga Nuklear untuk mengesan bahan radioaktif di dalam badan. Kesemua yang diperiksa disahkan tidak mempunyai bahan radioaktif di dalam badan mereka selain daripada bahan radioaktif semulajadi yang memang ada dalam badan semua manusia.

Dari segi kawalan ke atas bahan-bahan makanan, pemeriksaan dilakukan, dengan izin, "on a selective basis" berdasarkan bahan makanan yang lebih berpotensi untuk tercemar oleh bahan-bahan radioaktif yang terlepas daripada reaktor Chernobyl dan yang "critical", dengan izin, dari segi kesan terhadap kesihatan manusia.

Bahan-bahan makanan yang diperiksa seratus peratus yang masuk di negara kita ialah:

- (i) Susu dan hasil-hasil susu;
- (ii) buah-buahan dan sayur-sayuran termasuklah yang segar dan yang diproses;
- (iii) ikan dan makanan laut termasuk juga yang segar dan yang diproses;
- (iv) daging termasuk juga yang segar dan yang diproses;
- (v) bijirin dan hasilnya; dan
- (vi) mineral water, (dengan izin).

Selain daripada bahan-bahan makanan yang tersebut di atas, bahan makanan yang lain diperiksa juga

secara "random", dengan izin. Setiap bahan makanan yang diimport daripada negara-negara yang berkenaan mesti juga disertai dengan sijil kesihatan. Kawalan ke atas bahan makanan ini adalah bagi semua pengimportan daripada seluruh Eropah dan Scandinavia.

Sehingga 30hb September, pihak Unit Tenaga Nuklear telah menganalisiskan 2,310 contoh makanan termasuk makanan untuk haiwan. Hanya dua contoh sahaja setakat ini yang didapati mengandungi bahan radioaktif yang melebihi had yang dibenarkan di Malaysia. Contoh-contoh ini ialah, dengan izin, "skimmed milk" untuk haiwan dan "anhydrous butter fat", dengan izin. Kedua-dua "consignment", dengan izin, bahan makanan tersebut telah dieksport semula ke negara asalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah itu?

Tuan Kasitah Gaddam: Setengah minit. Pengawasan bahan makanan ini akan dijalankan sehingga Kerajaan berpuas hati bahawa keadaan di negara-negara yang tercemar sudah terkawal.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9, 11, 15, 18 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

INDUSTRI KECIL/SEDERHANA

9. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar memberi penjelasan seperti berikut:

- (i) jumlah industri "kecil" dan "sederhana" yang didirikan di luar bandar serta taburannya mengikut negeri, daerah atau jajahan setakat ini; dan

- (ii) apakah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mempunyai pegawai-pegawai kepakaran terlatih untuk membantu, menyelaraskan dan memberi perkhidmatan yang cukup bagi memastikan industri-industri yang kecil dan sederhana didirikan seberapa banyak di setiap jajahan atau daerah luar bandar berasaskan sumber-sumber tempatan yang mempunyai potensi dari segi perdagangan dan perniagaan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Mengikut bancian yang dijalankan oleh Kerajaan pada tahun 1981, jumlah industri kecil dan sederhana yang dikecualikan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian adalah sebanyak 15,883 pertubuhan. Dari segi taburannya ianya tidak ada pembahagian yang khusus di luar bandar mengikut negeri, daerah ataupun jajahan.

Bagi industri kampung pula, taburannya di luar bandar mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah
Perlis	8
Kedah	23
Pulau Pinang	23
Perak	48
Selangor	25
Wilayah Persekutuan ..	5
Negeri Sembilan	27
Melaka	37
Johor	18
Pahang	44
Terengganu	72
Kelantan	22
Sarawak	8
Sabah	28

Untuk jawapan kedua, memanglah Kementerian saya menyedari hakikat

bahawa Kementerian tidak mempunyai cukup pegawai-pegawai yang pakar dan terlatih dibidang tersebut di dalam membantu, menyelaraskan dan memberi perkhidmatan yang secukupnya bagi memastikan industri kecil dan industri kampung di setiap daerah dan jajahan di seluruh negara yang berasaskan sumber-sumber bahan tempatan yang mempunyai potensi pemasaran. Meskipun demikian, Kementerian saya sentiasa berusaha sedaya upaya bagi mendapatkan kepakaran dari institusi-institusi penyelidikan seperti SIRIM ataupun pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa bagi menjayakan industri kecil ini.

MAJLIS PERBANDARAN— PEMILIHAN AHLI

11. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau akan membenarkan pemilihan Ahli-ahli Majlis Perbandaran di seluruh negara secara pilihanraya umum memandangkan penamaan Ahli-ahli untuk Majlis-majlis Perbandaran tidak memberikan manfaat kepada kepentingan awam.

27-10-1986

7. Dr V. David minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau akan menimbang semula cadangan mengadakan pilihan secara berundi ahli-ahli Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan berkaitan untuk menentukan perwakilan rakyat di segala peringkat, kerana merekalah yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada pembayar-pembayar cukai.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Puchong pada 27-10-1986.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya bagi memilih Ahli-ahli Majlis di Pihak-pihak Berkuasa Tempatan kerana sistem yang dilaksanakan pada masa ini berjalan dengan baik. Tidak ada sebab ianya perlu ditukarkan.

Daripada maklumbalas yang diterima oleh Kerajaan didapati Ahli-ahli Majlis telah menunjukkan kebolehan dan perkhidmatan mereka dengan baik. Ahli Majlis juga selalu dikunjungi oleh orang ramai untuk meminta bantuan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

TARIAN SINGA

15. Dr V. David minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah beliau akan menimbang untuk menerima tarian singa sebagai sebahagian daripada warisan kebudayaan kaum Cina, dan juga menganggap tarian ini sebagai sebahagian kebudayaan Malaysia, dan menggalakkan pembangunannya tanpa sebarang kesulitan pentadbiran atau undang-undang.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tarian Singa tidak pernah ditolak oleh mana-mana pihak pun sebagai warisan budaya kaum Cina. Jadi masalah menimbang atau menerima adalah tidak timbul lagi. Di samping itu, tanggungjawab membangun atau menggalakkannya terserahlah kepada budi bicara kaum yang mewarisi tarian tersebut mengikut kuatkuasa peraturan Kerajaan yang ada seperti juga yang dikenakan kepada apa-apa juga aktiviti lain baik oleh kaum bumiputera mahupun kaum-kaum lainnya.

PEGUAM NEGARA—AHLI BADAN BERKANUN

18. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyenaraikan badan-badan berkanun, syarikat-syarikat (enterprises) Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta di mana Peguam Negara menjadi Pengerusi atau Ahli Lembaga dan nyatakan sebab dan kesesuaian Peguam Negara menduduki berbagai-bagai badan yang mungkin menyebabkan percanggahan kepentingan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Memandangkan soalan yang dibangkitkan ada kaitannya dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pada 3hb Disember, 1986, maka saya mohon untuk dijawab bersekali.

Pada masa sekarang Peguam Negara adalah menjadi Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Malaysia Borneo Building Society. Perlantikan beliau adalah dibuat berasaskan kepada kewibawaan dan kebolehannya serta pengalaman dan fahamannya di dalam segi undang-undang yang membolehkan beliau memberi nasihat kepada Lembaga di dalam perjalanan urusannya. Perlantikannya juga tidak mendatangkan sebarang percanggahan kepada kepentingan Kerajaan.

NILAI RINGGIT

19. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada satu "defacto" pengurangan nilai ringgit kita ke atas matawang antarabangsa yang utama memberi keistimewaan kepada perdagangan dan industri buatan; dan

- (b) adakah dengan mengurangkan nilai matawang kesukaran untuk melayan pinjaman asing itu.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Dalam tempoh sembilan bulan pertama 1986 nilai ringgit telah merosot terhadap kebanyakan matawang-matawang utama di pasaran pertukaran wang asing. Kemerosotan nilai ringgit adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh kelembapan pertumbuhan ekonomi akibat dari kejatuhan kebanyakan harga barangan utama. Kemerosotan nilai ringgit terhadap kebanyakan matawang utama membawa kesan yang positif dan negatif ke atas ekonomi Malaysia. Kejatuhan nilai ringgit akan menyebabkan barangan eksport Malaysia menjadi lebih murah. Pada masa yang sama harga barang-barangan import terutama barangan buatan Jepun, jentera dan input pengeluaran daripada negara-negara di Eropah menjadi lebih mahal. Ini akan mengurangkan tekanan ke atas imbalan pembayaran terutamanya dalam akaun perdagangan. Perdagangan yang berasaskan dolar Amerika Syarikat mungkin tidak terjejas begitu teruk kerana ringgit dapat mengekalkan nilainya dengan dolar Amerika Syarikat.

- (b) Kejatuhan dalam nilai ringgit dalam tahun 1985 telah meningkatkan bayaran balik modal dan faedah hutang luar negeri Malaysia. Oleh itu, untuk mengurangkan sedikit sebanyak beban khidmat pembayaran Kerajaan sedang

membuat bayaran terdahulu dan pembiayaan semula sebahagian daripada pinjaman yang disediakan melalui pinjaman-pinjaman baru yang diperolehi dengan syarat-syarat yang lebih baik.

JALAN RAYA SUBANG JAYA— SHAH ALAM

20. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan di atas kesesakan "Traffic" daripada Subang Jaya ke Kelang, bolehkah Kementerian tersebut membina satu jalan daripada Subang Jaya ke Shah Alam melalui kawasan Hicom untuk meringankan "Traffic" tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tiada rancangan untuk membina jalan raya dari Subang Jaya ke Shah Alam melalui kawasan Hicom bagi mengatasi kesesakan lalulintas di jalan Subang Jaya ke Kelang. Walau bagaimanapun Kementerian saya memang ada rancangan untuk memperluaskan jalan dari Subang Jaya ke Kelang menjadi 6 lorong yang merupakan salah satu daripada "Package" cadangan penswastaaan Lebuhraya Utara-Selatan.

Cadangan penswastaaan itu juga akan mengandungi sebuah Lebuhraya baru dari Kelang ke Kuala Lumpur yang di namakan "Lebuhraya Baru Lembah Kelang". Kedua-dua rancangan itu dijangka akan dilaksanakan tidak lama lagi dan dijangka siap dalam tahun 1990. Dengan terlaksananya kedua-dua rancangan ini, saya yakin kesesakan lalulintas dari Subang Jaya ke Kelang akan dapat diatasi.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1986)

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (Bil. 1), 1986

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986) dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1986 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" (Hari Pertama).

*Majlis bersidang dalam Jawatan-
kuasa*

*(Tuan Yang di-Pertua mempe-
ngkerusikan Jawatankuasa)*

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$233,879,710 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1986 bagi Maksud-maksud Bekalan B.7, B.18, B.46, B.56 dan B.62 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan, dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$742,096,740 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Bil. 1 Tahun 1986 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.14, P.17 hingga P.19, P.28, P.36, P.40, P.48, P.51, P.54, P.61 dan P.63 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti ditunjukkan dalam Penyata

yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 30 Tahun 1986 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 1986 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 1986. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 29 tahun 1986 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1986 dan Kertas Perintah 31 Tahun 1986 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1986. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Maksud B.7 (Jadual)—

Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam masa membahaskan peruntukan tambahan ini haraplah Ahli-ahli sebelum berucap hendaklah menyebutkan bilangan Kertas Perintah dan mukasurat terlebih dahulu dan Kepala-kepala yang hendak disentuh. Kemudian haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berbahas mengikut sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat 67 (9) yang berkehendakkan hanya butir-butir sahaja akan disentuh.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.7 dan Kepala Pembangunan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

4.10 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tidak dapat peluang kerana tidak ada masa untuk menjawab mengenai B.7 dan P.7. Hari ini saya berharap dia dapat menjawabnya. Wang peruntukan ini adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil, infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan bagi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar.

Tuan Pengerusi: Minta sebutkan Kertas Perintahnya dahulu.

Dr Tan Seng Giaw: B.7, Kertas Perintah 29. Memandangkan bahawa pertambahan peruntukan ini lebih daripada anggaran yang diluluskan dalam tahun 1986, saya ada beberapa soalan. Di manakah projek-projek infrastruktur, kemudahan awam, sosial dan keagamaan dilaksanakan bagi kawasan bandar dan luar bandar, kerana nama itu tak nampak di dalam Kertas Perintah ini. Apakah jenis-jenis dan bentuk-bentuk infrastruktur, kemudahan awam dan sosial yang akan atau telah dibina. Bagi ketiga-tiga perkara ini, apakah nisbah pemberian peruntukan di antara kawasan bandar dan luar bandar? Berikan nisbah, kos dan purata bilangan orang yang akan menerima faedah daripada projek-projek ini di bandar dan luar bandar? Bagaimanakah pembahagian peruntukan dibuat di antara projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial? Bagaimanakah projek-projek kecil keagamaan dapat membantu mempereratkan perpaduan nasional dan mengurangkan polarisasi kaum? Di dalam usaha untuk

membiaiyai projek-projek ini, berapakah agensi-agensi Kerajaan yang telah terlibat dalam pengurusannya?

Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 31, Maksud P.7—Pembangunan Masyarakat, juga mengenai projek-projek kecil. Mengikut Kertas tadi, pembangunan masyarakat dan kampung di bawah sektor sosial menerima sebanyak \$12.5 juta iaitu gabungan di antara tambahan \$7 juta dari jabatan ini dan \$5.5 juta di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dikhaskan untuk kemajuan perkampungan. Oleh itu, saya ingin bertanya, apakah di antara projek-projek kecil yang terlibat dalam tambahan ini yang telah dibelanjakan bagi pembangunan masyarakat dan kampung. Selama berapa lamakah peruntukan ini dapat ditambah sebelum pertambahan peruntukan yang baru diperlukan? Berapakah projek-projek kecil yang bertuah menerima bantuan kewangan daripada perbelanjaan tambahan ini? Apakah tahap Kejayaan yang tercapai daripada perbelanjaan ini, setakat masa ini?

Soalan-soalan ini adalah penting kerana pembangunan masyarakat terutama sekali di kampung-kampung tradisional dan baru di mana dilaporkan bahawa kadar kemiskinan amatlah tinggi dan disyaki lebih daripada 24.7% yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk kawasan-kawasan luar bandar semasa menjawab soalan saya pada 8hb Oktober tahun ini.

Sebenarnya, wang sejumlah itu tidaklah mencukupi untuk memberi pembangunan sosial yang bererti kepada setiap kampung tradisional dan kampung baru yang sangat memerlukan pelaburan wang yang banyak.

Tuan Pengerusi, untuk Perbadanan Nasional Berhad, PERNAS—tambahan \$34 juta. Dijelaskan bahawa wang adalah diberi secara langsung kepada PERNAS untuk menambahkan ekuitinya dalam Perbadanan Nasional Shipping Line Bhd. bagi pembelian kapal feri untuk projek perkhidmatan Feri Malaysia. Seperti yang diketahui oleh kita semua perkhidmatan ini telah pun menerima subsidi sebanyak \$6 juta dari Kerajaan menerusi PETRONAS dalam bentuk bekalan petroleum. Oleh yang demikian, dengan pertambahan peruntukan pembangunan ini kepada PERNAS sebagai pelaburan tambahan dalam PNSL, adakah pembelian kapal feri yang dimaksudkan di sini merupakan yang baru yang dibeli untuk memperbesarkan angkatan feri atau merupakan pembayaran selanjutnya bagi pembelian Feri Malaysia yang asal. Jika ianya merupakan pembelian feri-feri yang baru, adakah ianya feasible untuk dibuat berbuat sedemikian memandangkan bahawa tahap kejayaan projek ini masih belum terbukti walaupun jangkaan pendapatan telah pun dibuat. Tambahan lagi, adalah dijangkakan bahawa projek ini tidak akan mendatangkan apa-apa keuntungan untuk beberapa tahun lagi sementara membawa kerugian tahunan sekurang-kurangnya \$3.2 juta dalam tahun pertama operasinya.

Apakah andaian-andaian yang dibuat oleh pihak Kerajaan yang dapat menyokong keyakinan Kerajaan terhadap projek ini sehingga usaha-usaha memperluaskan angkatan Feri Malaysia dibuat. Jika ianya merupakan pembayaran selanjutnya kepada pembelian Feri Malaysia yang asal dan tunggal, maka apakah sebenarnya kos yang telah pun dilaburkan ke dalam pembelian, penyediaan dan perhiasan semula Feri Malaysia yang telah dibuat setakat ini termasuk wang pelaburan PERNAS.

Setakat ini apakah sambutan orang ramai dan orang asing kepada perkhidmatan Feri Malaysia kita ini dari segi, yang pertama, penempahan yang dibuat; yang kedua, pertanyaan yang dibuat dan yang ketiga, bilangan orang yang telah pun menikmati perkhidmatan Feri Malaysia ini, jika ada. Apakah jumlah ekuiti keseluruhannya yang dimiliki oleh PERNAS selepas pelaburan ini?

Tuan Pengerusi, bagi peniaga-peniaga kecil, tambahan \$8 juta. Menurut Kertas Perintah 31 tadi, wang \$8 juta ini dibelanjakan di bawah sektor pasar-pasar. Apakah bilangan pasar yang akan dimajukan ataupun telah dibangunkan dan dimanakah letaknya pasar-pasar ini. Ini perlu dikemukakan di Dewan yang mulia ini supaya semua Ahli Yang Berhormat dapat tahu apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh pihak Kerajaan untuk menentukan pasar-pasar yang menerima pembiayaan wang ini. Apakah di antara pembangunan yang dilaksanakan dengan jumlah wang ini? Apakah pula bilangan peniaga kecil yang berjaya menikmati hasil pelaburan ke dalam pasar-pasar ini? Bagaimanakah pihak Kerajaan mengukur bilangan ini, mahupun kadar penggunaan kemudahan-kemudahan yang disediakan daripada pelaburan ini.

Tuan Pengerusi, kesemua maklumat ini adalah penting diketahui agar kita dapat melihat dengan sendiri tahap kejayaan dan prestasi yang dikatakan tercapai menerusi pelaburan wang ini. Ianya tidak asing lagi di mana faedah daripada pelaburan wang berjuta-juta ringgit ini tidak dikecapi oleh kumpulan atau segolongan yang disasarkan. Sekian, terima kasih.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

4.18 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Pengerusi, saya merojak kepada perkara Maksud B. Jabatan Perdana Menteri. Pada masa perbincangan semalam, Timbalan Menteri Pelajaran telah mencabar Ahli dari kawasan Ipoh

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, duduk sekejap. Saya hendak tahu, Yang Berhormat mengatakan bawah B.7, Butiran berapa itu?

Dr Eng Seng Chai: Yang berjumlah \$222,571,900 untuk Maksud B.7, Kertas Perintah 29, Butiran.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Atas tajuk apa Yang Berhormat?

Dr Eng Seng Chai: Maksud B.7, Kertas Perintah 29.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Kita ada bertanya berkenaan dengan perbelanjaan atas projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan dan pada masa perbincangan itu kita minta senaraikan apakah projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam dan sosial serta keagamaan ini?

Jika saya tidak silap, saya ada meminta Yang Berhormat memberi butir-butir lengkap pada hari ini. Kita sudah pun beri cukup notis. Saya berharap Menteri-menteri atau Timbalan Menteri-menteri yang berkenaan akan memberikan senarai berkaitan. Sebab pada masa perbincangan semalam kita ada membuat anggapan iaitu perbelanjaan atas semua projek-projek ini adalah sebagai projek-projek yang "memancing undi" pada masa

sebelum pilihanraya umum. Tetapi ini ada dinafikan. Jika saya tidak salah Timbalan Menteri Kewangan pun ada menafikan adanya kegiatan seperti ini. Kita harap berikanlah tarikh-tarikh bagi semua projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan awam, sosial serta keagamaan, untuk memberikan peluang kepada kita timbang agar peruntukan ini diberi sebelum dan berapa masa sebelum mengadakan pilihanraya. Jika kita ada salah, kita boleh dapat tahu daripada tarikh-tarikh peruntukan untuk semua projek-projek kecil ini.

Juga pada masa perbahasan hari semalam, kita ada menimbulkan persoalan peruntukan untuk kemudahan keagamaan kerana kita semua telah sentuh mengenai isu keagamaan dan ada sebahagian Wakil-wakil Rakyat dari parti pemerintah yang tuduh menyatakan inilah isu sensitif yang kita tidak boleh timbulkan. Dan adalah juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang kata peruntukan semua ini ke atas projek-projek keagamaan diberi dengan adil dan patut. Bolehkah hari ini iaitu dalam perbahasan dalam Jawatankuasa ini kita diberikan senarai dan butir-butir berkenaan peruntukan kepada pembangunan kuil-kuil, "temples" Cina dengan izin, gereja-gereja, madrasah, masjid atau surau sebab dapatlah kita pertimbangkan bersama dengan semua Wakil-wakil Rakyat di Dewan yang mulia ini adakah betul semua peruntukan yang diberi ke atas Maksud B.7—keagamaan adalah diberi dengan cara adil dan patut sekali. Itulah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

4.24 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Pengerusi, nampaknya tidak ada

banyak perkara yang dibangkitkan, cuma soal detail sahaja dan kebanyakan detail ini memerlukan disenaraikan projek-projek yang dibelanjakan oleh Kerajaan di bawah Kepala Peranggaran.

Saya suka menyatakan kalaulah hendak disenaraikan tiap-tiap satu projek yang dibelanjakan oleh Kerajaan di bawah Kepala Peranggaran yang dimaksudkan, saya fikir sukar sekali. Saya akan merangkumi dan memberi satu gambaran yang menyeluruh dengan menyebut bahawa sebenarnya peruntukan asal adalah berjumlah \$149,795,000 dan ditambahkan dengan peruntukan tambahan iaitu \$222,571,900 di bawah peruntukan B. 7 semuanya berjumlah \$372,366,900. Dan kedudukan sebenarnya ialah bahawa daripada ini telah ditarik balik sebanyak \$2,924,790 di bawah austerity drive, dengan izin, oleh Perbendaharaan.

Saya suka menyatakan bahawa di bawah perbelanjaan projek-projek kecil saya boleh menyenaraikan mengikut negeri sahaja. Kalau hendak disenaraikan mengikut projek-projek seperti yang saya sebutkan tadi memanglah memakan masa yang panjang dan memerlukan list yang panjang juga. Jadi, saya senaraikan mengikut negeri iaitu:

<i>Negeri</i>	<i>\$</i>
Perlis	3,000,000
Pulau Pinang	8,500,000 (ini projek-projek kecil)
Kedah	14,000,000
Perak	11,000,000
Selangor	11,000,000
Negeri Sembilan	8,500,000
Melaka	8,500,000
Johor	19,500,000
Pahang	17,000,000
Terengganu	11,000,000

<i>Negeri</i>	§	
Kelantan	17,000,000	
Sabah	4,000,000	
Sarawak	12,000,000	
Wilayah Persekutuan	—	(belum diluluskan apa-apa projek)
JUMLAH	145,000,000	

Semua projek-projek ini diselaraskan melalui Jabatan Kemajuan Negeri masing-masing.

Saya juga suka menyenaraikan projek keagamaan yang telah dibelanjakan mengikut negeri. Jumlahnya ialah \$36,446,773.

Perlis	1,000,000	
Pulau Pinang	2,020,000	
Kedah	2,969,000	
Perak	2,824,000	
Selangor	2,830,000	
Negeri Sembilan	1,995,000	
Melaka	2,655,500	
Johor	2,925,000	
Pahang	2,800,000	
Terengganu	3,000,000	(Terengganu banyak orang-orang alim jadi perbelanjannya besar sedikit)
Kelantan	2,731,500	
Sabah	2,712,183	
Sarawak	2,991,800	
Wilayah Persekutuan	2,992,000	
JUMLAH	36,446,773	

Saya suka menyatakan bahawa bukan semua peruntukan-peruntukan di bawah B.7 ini telah habis dibelanjakan, kita ada baki sebanyak \$47,5

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada pertanyaan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat mengatakan bahawa \$2.9 juta sudah ditarik balik, mengapa ada baki lagi. Yang kedua, untuk projek-projek kecil, mengapa negeri Kedah itu negeri tidak berapa besar dapat \$14 juta, Pahang \$17 juta dan Kelantan \$17 juta. Jadi, apakah kriteria digunakan?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mengatakan peruntukan kesemuanya \$372,366,900. Itu adalah peruntukan asal dicampurkan dengan peruntukan tambahan yang dipohonkan. Jadi, yang telah dikomitkan adalah sebanyak \$321,000,900

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak

Dato' Haji Abdul Ajib bin Ahmad: Saya belum habis.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum habis. Biar dia habiskan dahulu. Duduk dahulu!

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Jadi, yang dibelanjakan \$321,000,990. Jadi berbaki \$47,541, itu dia alasan saya. Sama ada, peruntukan antara Kelantan dan Terengganu

Dr Tan Seng Giaw: Kedah \$14 juta.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Bukan, untuk agama.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan, untuk projek-projek kecil.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Kedah \$14,000,000 Kelantan \$17,000,000 kerana ini merupakan

hasrat Kerajaan untuk membangunkan negeri-negeri yang jauh ketinggalan sedikit, termasuk Kedah dan Kelantan untuk kita dapat memperbaiki taraf infrastruktur negeri-negeri ini.

Tuan Ngoi Thiam Woh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat bangun. Sila Yang Berhormat dari Kampar.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Pengerusi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri memberi tahu, daripada \$14 juta dibelanjakan bagi negeri Kedah, berapa banyakkah telah dibelanjakan di kawasan Kubang Pasu?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Saya tidak ada butir-butir mengikut kawasan. Saya ada cuma mengikut Negeri. Sepertimana yang saya sebutkan tadi jumlah perbelanjaan begitu besar dan banyak projek yang melibatkan ada projek \$1,000, \$5,000, \$10,000. Jadi, kalau hendak disenaraikan satu persatu memanglah susah dan saya fikir angka-angka ini akan membosankan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebab itulah saya telah merangkumkan mengikut negeri-negeri. Saya fikir ini berpatutan.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, peruntukan ke atas kemudahan keagamaan jika dibahagikan kepada peruntukan kepada negeri-negeri sahaja, saya agak ini tidak bermakna, fasal ini kemudahan kepada agama. Lebih baik saya hendak minta daripada Yang Berhormat Menteri, bolehkah dia bahagikan peruntukan semua atas agama bukan negeri sahaja.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Pengerusi, angka mengikut agama memang ada tetapi saya suka merujuk kepada keputusan Dewan yang mulia semalam bahawa kita tidak menanya berkenaan dengan pembahagian khusus mengikut agama kerana boleh disalah tafsirkan dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya setuju.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Saya terganggu sedikit tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Terima kasih. Demikianlah tadi sedikit sebanyak angka-angka yang dapat saya berikan di bawah Kepala Peranggaran B.7 ini.

Soal feasibility study projek Feri Malaysia. Saya suka menyatakan bahawa apabila projek Feri Malaysia ini dirancangan, soal utama yang difikirkan oleh Kerajaan ialah untuk mencari jalan bagi kita mempertingkatkan integrasi nasional rakyat Malaysia, terutama sekali di antara rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah dan Sarawak dengan rakyat Malaysia yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Apa yang difikirkan pada ketika itu ialah satu cara bagi kita meningkatkan kesefahaman di antara rakyat Malaysia di kedua-dua kawasan ini dan paling baik difikirkan ialah bagi kita mengadakan satu feri untuk memudahkan lawatan rakyat daripada kedua kawasan ini. Oleh hal yang demikian, satu peruntukan yang telah disebutkan iaitu lebih kurang \$34 juta itu difikirkan perlu dan tidak membebankan Kerajaan untuk mencapai matlamat yang saya sebutkan tadi. Peruntukan \$34 juta ini adalah diperlukan untuk menambah equiti Kerajaan di dalam Perbadanan Nasional Shipping Line Bhd. dan

digunakan untuk pembelian feri dan membaiki kemudahan-kemudahan yang ada di dalam feri itu.

Mungkin Ahli Yang Berhormat ingin bertanya bahawa perbelanjaan ini besar. Kerajaan memikirkan perbelanjaan ini perlu kerana jenis feri yang diperlukan untuk berjalan di Lautan China Selatan ini bukanlah feri seperti feri Pulau Pinang ke Butterworth. Itu boleh kita gunakan antara Pulau Pinang ke Butterworth, tetapi feri yang lebih baik, yang lebih selamat difikirkan perlu untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna feri ini. Sebab itulah difikirkan perlu kita mengadakan peruntukan perbelanjaan bagi menampung pembelian feri yang saya sebutkan tadi.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak apa?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, apakah jenis feri yang begitu baik itu dan dibeli daripada negara mana?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Pengerusi, feri yang dibeli merupakan kapal biasa yang dibeli dari Jerman Barat, kalau saya tidak silap. Saya minta maaf kerana sahabat saya yang bertanggungjawab tidak ada di sebelah saya untuk membantu saya tetapi ingatan saya ialah dari Jerman Barat dan ini merupakan satu passenger line yang boleh digunakan untuk membawa penumpang-penumpang daripada satu tempat ke satu tempat dan inilah yang telah dibetulkan untuk kegunaan kita dengan kemudahan-kemudahan yang lebih selesa di dalam.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah pertimbangan dibuat untuk membeli feri ini daripada negara yang lain dan adakah cadangan untuk menggunakan Hovercraft misalnya yang lebih selesa?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Pengerusi, perjalanan daripada pantai Malaysia ke Sabah memakan masa yang panjang dan kalau digunakan Hovercraft saya ingat tidak begitu selesa kepada penumpang-penumpang. Jadi kita mengambil kira juga keselesaan penumpang-penumpang yang terpaksa tinggal di dalam feri itu selama beberapa hari di dalam perjalanannya. Bukan itu sahaja, sepertimana yang saya sebutkan tadi, bukanlah tujuan kita cuma hendak mengadakan kemudahan. Kalau hendak kemudahan boleh kita gunakan kapal terbang 1½ jam boleh sampai tetapi di dalam feri itu yang memakan masa beberapa hari untuk tiba ke satu-satu tempat itu sudah tentulah di dalam feri memberikan kesempatan juga kepada penumpang-penumpang untuk bergaul di antara satu sama lain dan matlamat kita untuk meningkatkan perpaduan itu dapat kita capai.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah benar bahawa tujuan asal mengadakan Feri Malaysia adalah satu kapal yang basic dan bukan satu luxury liner yang ada sekarang, satu kapal basic untuk tujuan tersebut tetapi mereka yang melaksanakan projek ini sudah menyeleweng tujuan yang asal dengan pembelian satu kapal luxury liner begitu mahal dengan kemudahan-kemudahan, akibatnya tambang begitu tinggi sehingga tidak selaras dengan konsep yang asal?

Kedua, bukankah benar bahawa ada arahan dikeluarkan bahawa askar-askar, pasukan keselamatan gunakan Feri ini untuk tujuan mereka apabila diangkut daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya dan Feri Malaysia jenis sekarang adalah tidak sesuai? Kenapa penyelewengan daripada tujuan konsep asal dibenarkan berlaku sehingga \$34 juta terlibat?

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Pengerusi, pada pendapat saya apabila kita membeli satu-satu feri untuk satu-satu tujuan, banyak perkara mesti diambil kira sepertimana yang saya sebutkan tadi. Pertama, soal keselesaan penumpang-penumpang. Kedua, soal keselamatan satu-satu kapal itu untuk menyeberangi Laut China Selatan ataupun laut yang sedemikian, perlu juga diambil kira kerana ini merupakan satu feri yang membawa penumpang. Jadi, semua perkara ini mestilah diambil kira. Apabila perkara-perkara ini diambil kira, pembelian feri tersebut dari negara yang saya sebutkan tadi tidaklah merupakan satu perbelanjaan yang membazirkan, malahan tidak ada terdapat satu-satu penyelewengan dalam pembelian itu.

Dari segi arahan, memang betul ada arahan daripada Kerajaan untuk menggunakan feri itu kepada anggota angkatan tentera kerana kalau kita ada feri, apa salahnya kalau boleh kita gunakan dengan mengurangkan kekosongan dalam feri itu, saya fikir ini tidak salah.

Tuan Pengerusi, sambutan feri sepertimana yang telah dijawab oleh Timbalan Menteri pada hari semalam telah pun menunjukkan satu perkembangan yang baik, tidaklah begitu menggalakkan tetapi menunjukkan satu perkembangan yang baik, dan saya percaya usaha-usaha akan dijalankan untuk menarik lebih ramai lagi pengguna-pengguna feri di dalam tempoh masa yang akan datang.

Kita mesti ingat bahawa projek Feri Malaysia ini merupakan satu projek yang baru dan insya Allah apabila diperkenalkan dengan meluas dan dengan sistem pemasaran yang lebih agresif lagi dan pengenalan kepada pelancong pada masa akan datang, Kerajaan yakin bahawa Feri Malaysia

ini akan dapat menepati hasrat penubuhannya di peringkat awal dahulu.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perbelanjaan untuk peniaga-peniaga kecil, saya suka menyatakan bahawa perbelanjaan peniaga-peniaga kecil ini juga disalurkan melalui pegawai pembangunan negeri masing-masing yang menunjukkan kawasan-kawasan di mana boleh dimajukan perniagaan-perniagaan kecil di peringkat tempatan terutama sekali yang perlu diselaraskan mengikut hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Pada pendapat saya perbelanjaan di bawah peruntukan ini adalah digunakan pada masa-masa yang lalu untuk membina kedai-kedai dan gerai-gerai untuk digunakan oleh peniaga-peniaga kecil dan sedikit sebanyak telah dapat membantu Kerajaan untuk mencapai hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, saya fikir ini sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan, minta maaf, ada lagi Ahli dari Petaling Jaya tadi membangkitkan soal infrastruktur juga. Saya suka menyatakan bahawa di bawah peruntukan projek-projek kecil, perkara yang penting yang harus kita ingat ialah bukan sama ada perbelanjaan ini digunakan untuk tujuan politik kerana kita tahu bahawa semua perbelanjaan-perbelanjaan Kerajaan adalah digunakan untuk kepentingan rakyat jelata, yang pentingnya ialah sama ada perbelanjaan ini dapat memberi kemudahan kepada rakyat jelata terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Dan di bawah perbelanjaan-perbelanjaan yang kita lakukan sebahagian besar dan banyak perbelanjaan-perbelanjaan yang kita gunakan itu adalah untuk membuat jalan-jalan

kampung, jambatan, masjid-masjid, infrastruktur yang lain, bekalan-bekalan elektrik dan sebagainya. Kalau pun rakyat jelata dengan perbelanjaan yang dibuatkan oleh Kerajaan ini menyokong Kerajaan, Kerajaan berasa terima kasih dan bersyukur tetapi yang penting bagi Kerajaan adalah bahawa projek ini telah pun mendatangkan keselesaan dan sedikit sebanyak dapat meningkatkan taraf hidup masing-masing di kampung. Itu yang penting.

Saya fikir tidak payah saya jawab soal sama ada kita gunakan duit itu ini untuk memancing undi ataupun tidak, ataupun tempoh perbelanjaan, biasanya tempoh perbelanjaan itu mengikut selera rakyat jelata nampaknya, Tuan Pengerusi, masa dekat-dekat pilihanraya seleryanya bertambah baik sedikit. Jadi, Kerajaan terpaksa "adjust" perbelanjaannya dan sebab itulah perbelanjaan-perbelanjaan dekat pilihanraya ini ditambah dan saya percaya walau apapun yang dilakukan oleh Kerajaan akan disalah tafsirkan oleh parti-parti lawan. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, yang ingin saya sentuh di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya ada soalan sedikit.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia sudah habis.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$222,571,900 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$222,571,900 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$54,366,700 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 hendaklah diluluskan. Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$54,366,700 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.

Maksud P.14 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1) 1986—

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan di bawah Maksud P.14, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

4.40 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kertas Perintah 30, Butiran 31—Kemajuan Perkampungan. Tambahan \$5.5 juta yang dikehendaki ini adalah diperuntukkan kepada kemajuan kampung-kampung baru. Memang peruntukan ini wajar dan menggalakkan, walaupun tidak cukup. Namun demikian kita juga perlu diberi tahu butir-butir seperti apakah tempoh masa perbelanjaan yang dijadualkan oleh pihak Kerajaan bagi jumlah peruntukan tambahan ini; dan berapakah kampung-kampung baru yang telah dan akan menerima faedah daripada pelaburan tambahan ini dan apakah bentuk-bentuk kemajuan yang dirancangan untuk kampung-kampung baru ini di bawah Perbelanjaan Pembangunan Tambahan.

Maklumat-maklumat seperti ini dapat membantu Ahli-ahli Yang

Berhormat di Dewan yang mulia ini, untuk menentukan sama ada wang peruntukan yang ditambahkan adalah memadai serta kegunaannya diselaraskan dengan keperluan kampung-kampung baru atau tidak. Faktor-faktor seperti kewangan yang mencukupi dan bentuk pembangunan yang selaras dengan keperluan masyarakat kampung-kampung baru amatlah penting kerana kedua-dua faktor ini akan menentukan tahap pembangunan yang tercapai di kampung-kampung baru. Peruntukan wang yang tidak mencukupi tidak dapat membawa apa-apa kemajuan yang bererti.

Di samping ini Tuan Pengerusi, pihak Kerajaan juga harus memberikan tumpuan perhatian yang saksama dan adil kepada pembangunan kampung-kampung tradisional dan baru. Oleh itu saya ingin menyeru supaya pihak Kerajaan menyediakan lebih banyak lagi wang untuk memajukan kedua-dua jenis kampung baru dan tradisional. Sebarang pelaburan yang dibuat itu mestilah digunakan dengan sepenuhnya ke dalam pembangunan kampung-kampung berkenaan dan bukan disia-siakan ke atas projek-projek yang mewah, projek yang tidak selaras dengan keperluan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau.

4.43 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Maksud P.14, Kementerian Perumahan, Kertas Perintah 30 tahun 1986, muka surat 4, Butiran 31—Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan pihak Menteri yang menjawab semalam bahawa kita tidak perlu

memberi butir-butir terperinci berhubung dengan perkara ini kerana ini akan menyusahkan

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, mengapa bangun?

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Bagi jalan atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti, saya belum habis, sedikit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti dia minta jalan. Boleh bagi atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekejap lagi bolehlah.

Oleh kerana ini akan menyusahkan pihak Ahli-ahli Parlimen untuk membawanya, jadi adalah elok kalau sekiranya kita memang berminat untuk kemajuan perkampungan ini, kita pergi melawat Kementerian berkenaan dan mengambil tahu dengan sendiri. Janganlah kalau sekiranya pihak Pembangkang untuk menyenangkan mereka hendak minta supaya pihak Kerajaan menyediakan semuanya, kita boleh melawat Kementerian yang berkenaan. Saya juga ingin menyentuh tentang kemajuan perkampungan

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, apa yang saya hendak katakan di sini prosedur kewangan di Parlimen ini memerlukan semua Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan yang mulia ini untuk menyoal, menyiasat, menyelidik apa yang dibentangkan di sini, termasuk Kertas-kertas Perintah yang ada sekarang dan sekiranya, butir-butir itu tidak lengkap, kita boleh tanya.

Saya tidak bermaksudkan semua butir termasuk yang terperinci sekalipun dimasukkan ke dalamnya. Kami memerlukannya secara ringkas, secara apa yang sedaya upaya boleh dibuatkan di dalam di Dewan yang mulia ini. Itulah yang perlu dibuat. Jadi pada hari ini, saya nampak ada kemajuan sedikit daripada Yang Berhormat Menteri tadi—dengan lebih detil lagi—kalau dibandingkan dengan tahun yang lepas. Ada kemajuan sedikitlah. Bukan kita hendak butiran terperinci sangat, tetapi boleh menjelaskan apa yang dibuat.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jangan berucap apabila minta penjelasan. Silakan, Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu tadi sudah berucap, dan saya ingat peluang patut diberi kepada saya juga.

Sebenarnya angka yang diberi kepada saya ini sudah cukup untuk saya faham. Tetapi kalau sekiranya kita tak faham, kita boleh tanya dan Menteri boleh jawab, tak perlu dibagi dalam bentuk buku yang besar. Saya ingat tak perlu kita bincang ini, sebab benda ini kecil dan kita bincang benda yang lebih besar daripada ini yang akan saya sebutkan yang mana Pembangkang telah lupa hendak sebut, iaitu berhubung dengan kemajuan perkampungan.

Saya rasa banyak orang sudah tersilap kerana kita masih lagi menyebut perkataan “kampung baru”, “kampung tradisional” pada hal istilah ini tidak ada lagi dan kita lihat tajuk yang diberi atas nama Kemajuan Perkampungan. Sekarang kampung baru ini dimasukkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan diletakkan di bawah rancangan kemajuan perkampungan.

Kalau sekiranya istilah “kampung baru”, “kampung tradisional” ini masih diwujudkan, maka dengan itu kita masih lagi menggambarkan keadaan yang berbeza di antara penduduk-penduduk yang tinggal di kampung-kampung itu. Jadi atas hakikat dan maksud ini, untuk tujuan perpaduan dan juga integrasi nasional, adalah wajar di masa-masa akan datang, di samping peruntukan yang akan dibelanjakan ini, untuk diselaraskan peruntukan yang akan diberikan kepada kampung-kampung itu supaya tak nampak perbezaan yang jelas dari segi kemajuan yang akan dilaksanakan bagi kampung-kampung yang berkenaan.

Saya menyokong bahawa peruntukan untuk kemajuan kampung baru sekarang ini yang masih boleh kita gunakan untuk tujuan peruntukan ini diteruskan, tetapi kadar dan juga nisbah yang sama mesti disalurkan kepada kampung-kampung tradisional sebab kampung-kampung tradisional ini daripada sebelum Merdeka tidak ada Kementerian khusus yang melihat ataupun menjaganya. Kita tahu apa yang diberikan ialah di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk projek-projek kecil dan juga di bawah Kementerian-kementerian lain mengikut program masing-masing, tetapi tidak ada satu Kementerian yang khusus.

Jadi sekarang kita bersyukur kerana

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang hendak minta penjelasan, boleh bagi?

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tadi Ahli Yang Berhormat kata jangan membezakan—satu kampung sahaja, jenisnya. Jadi sekarang dia

membezakan pula. Jadi ada paradox dan perbezaan sedikit di dalam ucapannya itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Arau, teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingat Ahli Yang Berhormat itu patut teliti ucapan saya dengan elok-elok. Saya kata untuk tujuan hendak sebut \$5.5 juta ini kita gunakan "kampung baru". Di masa-masa hadapan tak payahlah dan cuma dari segi penyelarasan, saya rasa oleh kerana dari segi nisbah kita sudah bagi kepada kampung baru \$5.5 juta, supaya kadar yang sama diberikan kepada kampung tradisional, kemudian disatukan di bawah Kemajuan Perkampungan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Saya bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh rakan-rakan saya dalam Kerajaan semalam iaitu supaya kampung-kampung itu disusun rapi dalam bentuk kampung tersusun ataupun dalam apa bentuk sekalipun untuk memastikan bahawa kampung-kampung itu setaraf dengan pembangunan yang dibuat di kawasan bandar. Kita tidak katakan bahawa kita hendak bandarkan semua kampung tetapi taraf ini dalam kadar yang ianya kampung, makna kata mempunyai cukup kemudahan asas dan sebagainya. Dalam keadaan sekarang, kalau sekiranya untuk tujuan ini, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, kalau untuk tujuan ini saya terpaksa sebut sedikit lagi.

Kalau sekiranya kita masukkan kampung baru ini di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kita akan lihat perbezaan di antara Kepong dan juga Arau di Perlis. Jadi, terdapat perbezaan. Di Perlis pun ada satu kampung baru namanya Pauh, terdapat perbezaan dengan kampung

saya, kampung baru, nama kampung baru juga tetapi bukan kampung baru, tetapi kampung itu nama kampung baru—kampung tradisional itu nama kampung baru. Terdapat perbezaan yang jelas. Jadi, apabila kita masukkan kampung-kampung ini bawah satu Kementerian kita harus selaraskan peruntukan bagi tujuan integrasi nasional. Kita ada 500 kampung baru di seluruh Malaysia untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebab kampung baru ini tidak bertambah, diwujudkan sebelum merdeka sampai sekarang itu sahaja jumlahnya dan kita ada 1,000 lebih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada yang bangun.

Dr Tan Seng Giaw: 500 itu daripada mana, setahu saya dia ada 465, kemudian dikurangkan kepada 453 tanpa penjelasan, tanpa apa-apa maklumat mengapa angka itu dikurangkan. Jadi mengapa dia dapat angka 500? Dia tambah daripada 30 tahun ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya maksudkan mendekati angka 500 (*Ketawa*). Semasa saya buat thesis dahulu saya buat angka 500 iaitu yang ditubuhkan semasa darurat sebelum kemerdekaan dahulu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh pinjam thesis saya dan lihat bagaimana saya tulis mengenai kampung-kampung baru. Tuan Pengerusi

Dr Tan Seng Giaw: 4 dan 5 itu tidak mengambil perhatian ke atas thesis yang disebutkan tadi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak faham. Tidak minta kebenaran Tuan Pengerusi, kemudian bercakap, macam mana. Lampu pula menyala

kepada Yang Berhormat, saya pun naik hairan. Tuan Pengerusi, saya sambung sedikit lagi iaitu kalau sekiranya kampung baru mencapai angka 500, 465 bagi dia, seronok sedikit (*Ketawa*) dan juga kampung-kampung tradisional yang melebihi daripada 1,000. Saya tidak dapat memberi angka, yang akan memberi angka yang sebenarnya ialah Menteri sebentar lagi. Jadi, kita harus beri peruntukan yang selaras dengan kehendak tersebut bagi kampung-kampung tradisional di bawah Kemajuan Perkampungan ini. Dengan itu kita dapat melihat satu bentuk kampung-kampung yang tersusun, tanpa ada istilah baru ataupun istilah tradisional dan di bawah Kemajuan Perkampungan ini rakyat Malaysia akan hidup dengan bersatu-patu tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak untuk tujuan menyeleweng. Sebab banyak isu-isu yang diselewengkan oleh Pembangkang terutamanya DAP. Jadi dengan itu kita

Dr Eng Seng Chai: Penjelasan, Tuan Pengerusi. Tolonglah Yang Berhormat senaraikan apakah isu-isu yang kita peralatkan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan, itu tidak ada berkaitan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau hendak senarai pun boleh, tetapi Tuan Pengerusi tidak benarkan, jadi saya tidak payahlah, terlampau banyak, saya ingat tidak tertulis dalam buku. Jadi kita tidak mahu pihak Pembangkang menyelewengkan isu-isu mengenai kampung baru. Saya terpaksa gunakan istilah menyeleweng, sebab Tuan Pengerusi tadi benarkan Ketua Pembangkang menggunakan perkataan menyeleweng kepada Feri Malaysia. Saya akan terus gunakan bahasa ini, nampaknya telah diterima oleh umum. Jadi, kita tidak mahu pihak

Pembangkang menyelewengkan isu-isu dan juga tujuan dan hasrat baik Kerajaan untuk memajukan kampung baru dan juga kampung tradisional di bawah Kemajuan Perkampungan, malah kalau sekiranya peruntukan tambahan ini dibelanjakan lebih daripada angka ini saya rasa tidak ada sebab untuk mana-mana pihak termasuk pihak Pembangkang untuk menyokong pihak Kerajaan. Kita sedia maklum bahawa lebih daripada 70% rakyat Malaysia adalah mereka yang tinggal di kampung-kampung.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

5.08 ptg.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Pengerusi, saya ingin bangun membahaskan atas Butiran 31 dalam Kertas Perintah 30 tahun 1986. Nampaknya satu peruntukan tambahan sebanyak \$5.5 juta dikehendaki untuk maksud Kemajuan Perkampungan. Saya yang sebenarnya merasa amat sedih sebab selepas negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 29 tahun kita masih membahaskan apakah konsep kampung itu, kampung tradisional ataupun kampung baru.

Saya menimbulkan perkara ini Tuan Pengerusi, sebab walaupun saya bukan seorang pakar perkampungan, tetapi sebahagian besar kawasan saya adalah melibatkan kawasan perkampungan yang mana saya sendiri sedar penduduk-penduduk di kawasan kampung ataupun luar bandar adalah dalam keadaan yang kurang memuaskan, misal kata, mereka tidak dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas ataupun kemudahan-kemudahan moden seperti bekalan air, bekalan api, kemudahan telefon, perubatan dan juga mengadakan satu sistem parit dan taliair yang berkesan. Jadi setiap kali apabila hujan banyak kawasan-kawasan perkampungan

mengalami banjir. Oleh kerana itu saya harap rakan-rakan kita dari pihak Barisan Nasional selepas mendengar ucapan saya ini akan sedar bahawa kita yang ada dalam DAP pun sangat berminat soalkan perkampungan. Kita pun ada jaga kepentingan penduduk-penduduk di luar bandar, bukan sahaja cuma menceritakan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan bandar. Dengan ini saya haraplah pada Budget yang akan dibentangkan tidak lama lagi pihak Kerajaan boleh memberikan lebih peruntukan untuk maksud ini supaya, seperti saudara saya dari kawasan Arau berkata tadi, kita semua sebagai rakyat Malaysia, bersama-sama menikmati kemajuan hasil tanah air kita ini supaya kita boleh mencapai lebih cepat integrasi nasional supaya kita tidak akan membeza-bezakan antara satu sama lain, adakah awak ini datang dari kampung ataupun awak dari kawasan luar bandar. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, wang pertambahan sebanyak \$5.5 juta itu menurut pandangan saya tidaklah cukup, patut hendak tambah lebih untuk memberi perasaan memuaskan kepada sebahagian rakyat Malaysia yang duduk di kawasan luar bandar. Dengan ini saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ada lagi?

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya bangun menyentuh sedikit atas hal yang baru-baru dibangkitkan oleh kawan saya dari kawasan Rasah, iaitu Butiran 31, Maksud P. 14, Kertas Perintah 30, Kemajuan Perkampungan. Saya bersetuju dengan beliau bahawa peruntukan sebanyak \$5.5 juta adalah sangat kurang, bukan saya menggalakkan Kerajaan membazirkan atau memboroskan wang rakyat, sebab saya sepatutnya tidak menyokong selalu permintaan pertambahan walaupun kita sudah ada

anggaran yang asal pada Budget yang asal. Tetapi kali ini saya menganggap peruntukan \$5.5 juta untuk 462 kampung baru Cina adalah sangat kurang, sebab kalau kita bahagikan angka ini barulah satu kampung puratanya dapat \$11,900 dan memang kita semua tahu hendak bikin jalan, bikin longkang atau mahu pasang tiang lampu atau mahu sambung talian telefon, \$11,900 untuk satu kampung memanglah satu angka yang berkurangan. Dan, dalam peruntukan asal dalam perbelanjaan tahunan Kerajaan adalah peruntukan \$25 juta untuk 5 tahun. Itu pun satu angka yang sangat kurang juga, kerana dibahagikan kepada 5 tahun

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Dr Eng Seng Chai: Boleh, boleh, boleh!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat menyokong peruntukan tambahan ini hanya untuk kampung-kampung baru ataupun kepada perkampungan yang meliputi kampung baru dan juga kampung tradisional, seperti cadangan daripada Yang Berhormat dari Rasah tadi?

Dr Eng Seng Chai: Saya menyokong peruntukan kepada kampung baru dan kampung Melayu, tetapi sebagai misalan saya kata terhad kepada kampung baru Cina sahaja pun tidak cukup, tetapi sekarang termasuk sebagai dia sebut kampung-kampung Melayu, lagilah angka ini tak cukup

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Dr Eng Seng Chai: Tolong duduk, tak beri jalan lagi! (Ketawa).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan! Saya yang suruh dia duduk.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, minta maaf. Saya tak suka dia ganggulah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Dr Eng Seng Chai: Saya belum habis. Macam itu patut peruntukan di bawah anggaran perbelanjaan untuk 5 tahun pun sudah kurang dan lagi sekarang kita minta sahaja \$5.5 juta, saya ingat tidak cukup. Sekurang-kurangnya kalau kita hendak minta Perbekalan Tambahan lebih baiklah kita minta sekurang-kurangnya

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat minta jalan.

Dr Eng Seng Chai: Saya tak beri jalanlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tak boleh jalankah atau tak boleh beri jalan?

Dr Eng Seng Chai: Tak beri.

Tuan Pengerusi: Dia tak beri.

Dr Eng Seng Chai: Lain hari (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Hendak tanya sedikit.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, okay.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Tuan Pengerusi, penjelasan. Di dalam kempen pilihanraya yang baru lepas kita telah mendengar ucapan-ucapan dan juga membaca kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin

DAP yang menunjukkan bahawa parti ini adalah sebuah parti yang cuba memperjuangkan untuk rakyat semua kaum di dalam negara kita ini, tetapi dukacita sedikit pada hari ini kita mendengar ucapan Yang Berhormat dari Petaling Jaya hanya menekankan kepentingan satu kaum sahaja di dalam kita membincangkan Kertas Perintah 30; Butiran 31. Jadi, ini berbeza sekali dengan apa yang dicakapkan atau apa yang diucapkan semasa kempen pilihanraya dahulu. Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat khasnya dari Petaling Jaya ini betul-betul membuktikan kepada masyarakat umum hari ini bahawa Parti DAP ini adalah sebuah parti yang benar-benar hendak memperjuangkan rakyat semua kaum, bukan bak kata orang, "cakap lain, buat lain".

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Okay, boleh, boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat dari Batu Berendam tadi itu dia tak dengar di dalam Dewan yang mulia ini, dia keluar

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta penjasankah?

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dari siapa?

Dr Tan Seng Giaw: Daripada saya kepada rakan saya tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Minta dari dia?

Dr Tan Seng Giaw: Dari dia. Jadi dia tak dengar Yang Berhormat dari

Batu Berendam itu, apa yang disebutkan oleh saya dan rakan-rakan saya untuk kampung-kampung baru dan tradisional, itu hakikatnya daripada semenjak sebelum pilihanraya, sekarang dan akan datang.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Pengerusi, penjelasan sedikit. Saya terpaksa membuat penjelasan ini kerana Yang Berhormat dari

Dr Eng Seng Chai: Tuan Pengerusi, saya tak beri jalan lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk sekejap!

Dr Eng Seng Chai: Saya tak beri jalan lagi, fasal dia selalu salah dengar.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Okay. Tadi saya kata misalan sahaja \$5.5 juta kalau terhad kepada 462 kampung baru Cina pun tidak cukup dan sebelum saya habis, dia sudah tembak saya (*Ketawa*). Memanglah saya mahu beri contoh, beri misalan, sekaranglah saya

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Dr Eng Seng Chai: Tak beri jalan lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk, Yang Berhormat!

Dr Eng Seng Chai: Saya sudah minta kata \$5.5 juta terhad kepada kampung baru tak cukup. Saya hendak minta bukan bagi pihak kampung-kampung baru Cina, saya pun hendak minta

bagi pihak semua kawasan perkampungan, iaitu kita patut tambah peruntukan ini sekurang-kurangnya \$500 juta dan kurangkan lain-lain perbelanjaan sebagai atas lain peruntukan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, lain-lain peruntukan boleh kurangkan, fasal pada masa pengangguran hari ini, pada masa kemelesetan ekonomi hari ini, yang terlibat teruk sekali adalah penduduk-penduduk di kawasan perkampungan dan di kampung-kampung baru Cina dan kalau kita adalah

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Dr Eng Seng Chai: Tolonglah jangan ganggu. Janganlah ganggu. Saya habis, you boleh minta jalan dari Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Macam itu kalau kita hendak mengelakkan masalah-masalah penghidupan rakyat di kawasan perkampungan dan di kampung-kampung baru Cina patutlah Kerajaan, pihak pemerintah berilah lebih pertimbangan kepada semua permintaan daripada orang yang miskin.

Itulah, Tuan Pengerusi. Berilah dia jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Beri jalan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, hendak betulkan. Di mana Yang Berhormat tengok dalam mana-mana istilah yang dicetak, yang disebut "kampung baru Cina"? Dia sebut "kampung baru". Dan, mana ada Jabatan Kerajaan yang mencetak "kampung tradisional Melayu"?—"Kampung tradisional", sebab banyak juga orang-orang Cina yang tinggal di kampung tradisional.

Contohnya, ada satu kampung di tempat saya namanya Kampung Lat Seribu. Kita ada 1,000 orang keluarga Cina di dalam kampung Melayu. Kita hendak sebutkan, adakah orang Cina ini kita anggap sebagai orang Melayu? Dan terdapat juga orang-orang lain, bangsa lain yang terdapat di kampung baru, seperti orang India.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa Yang Berhormat sudah habis ucap bukan?

Dr Eng Seng Chai: Betul, saya sudah habis. Kalau dia hendak cakap, minta izin daripada Tuan Pengerusi, jangan minta sama saya lagi (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, Tuan Pengerusi. Sebenarnya peruntukan kemajuan perkampungan ialah terhad kepada kampung baru

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan apa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya bahawa

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu bukan point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai satu point of order, saya akan sampai

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sebutkan Peraturan?

Tuan Lim Kit Siang: Saya ucap dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tak boleh.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu ambil bahagian.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ambil bahagian boleh, tetapi point of order apa?

Tuan Lim Kit Siang: Saya ambil bahagian dan dalam

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tak ada point of order?

Tuan Lim Kit Siang: ya, dalam mengambil bahagian, saya akan timbulkan point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat putuskanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan ambil bahagian sekarang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ambil bahagian?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, di mana saya akan timbulkan point of order (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Apabila sampai point of order, beritahulah.

Tuan Lim Kit Siang: Saya beri notis dahulu (*Ketawa*).

Saya timbulkan satu perkara sama ada permintaan peruntukan ini adalah khas untuk kampung-kampung baru yang semua tahu terdiri daripada penduduk-penduduk warganegara Malaysia dan bukan perkampungan tradisional. Bukan kita tentang peruntukan untuk perkampungan tradisional, tetapi oleh kerana kemajuan perkampungan.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Ketua Pembangkang patut sebut Butiran dan juga Kepala

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk Yang Berhormat dari Tanjong!

Tuan Lim Kit Siang: Apa point of order itu?

Tuan Shahidan bin Kassim: 60

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sebutkan.

Tuan Lim Kit Siang: Sebut, sebut.

Tuan Shahidan bin Kassim: Nanti sekejap. Tuan Pengerusi sudah sebut tadi (*Ketawa*).

Seorang Ahli Yang Berhormat: Sebutlah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sabar, sabar, nanti teruk. Di bawah perbincangan dalam Jawatankuasa. Dengan izin Tuan Pengerusi, saya hendak cari sekejap.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nombor berapa, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Pertama itu sudah disebutkan tadi. Ini adalah ruling yang patut dikeluarkan oleh Tuan Pengerusi bahawa tiap-tiap Ahli yang bercakap mesti menyebut Butiran. Ini, Tuan Pengerusi, dia bercakap tanpa menyebut Butiran dan juga yang mana dia hendak bincang.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia sudah

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia tak sebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): menyentuh perkara Kemajuan Perkampungan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya tidak sebut, tetapi tak payah sebut. Satu peruntukan sahaja (*Ketawa*)—satu

maksud sahaja; orang jahil sahaja mahu sebut (*Ketawa*). Satu maksud (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Satu maksud. Kalau ada lebih daripada satu maksud perlu sebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Orang jahil jangan berdiri dan pura-pura pandai.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan gunakan perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, itu benar. Satu maksud sahaja, tentulah mengenai maksud ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Pengerusi, on a point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order! Baik.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, saya rasa perkataan "jahil" tadi adalah unparliamentary. Jadi, saya mintalah Ketua Pembangkang menarik balik perkataan "jahil" tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya ada membaca senarai kata-kata yang unparliamentary, tidak ada kata jahil unparliamentary.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Senarai itu tidak final.

Tuan Lim Kit Siang: Tak final dan mungkin perkataan-perkataan dalam senarai

Tuan Shahidan bin Kassim: On a point of order, Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti dahulu! Saya minta Yang Berhormat jangan gunakan perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Di masa akan datang saya tidak akan gunakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, on a point of order 36 (4). Saya minta Yang Berhormat menarik balik perkataan "jahil".

Tuan Adam bin Abdul Kadir: (Bangun)

Tuan Lim Kit Siang: Dua orang berdiri. Siapa berdiri?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini lampu menyala kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang: Lampu pun menyala di tempat saya (Ketawa).

Tuan Shahidan bin Kassim: Jangan jadi jahil.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk! Saya sudah buat keputusan. Saya minta Yang Berhormat teruskan dengan tidak menggunakan perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, saya teruskan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Pengerusi, on a point of order. Minta kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi menarik balik perkataan "jahil".

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya tarik balik, sebab saya tahu erti perkataan "jahil" itu biadab. Jadi, saya minta Yang Berhormat dari Tanjong untuk menarik balik perkataan tersebut, sebab 36 (4), melarang penggunaan bahasa biadab.

Perkataan "jahil" itu bagi orang Melayu dia faham biadab.

Tuan Lim Kit Siang: Itu terpulang kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan sesiapa lain tidak ada hak untuk memaksa saya tarik balik. Saya akan teruskan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan dan jangan gunakan perkataan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Baik dan saya mahu

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk, Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Berapa?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya telah membuat keputusan. Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia belum tarik balik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya tahu. Saya sudah buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, on a point of order. Orang yang berdegil-degil, salah, tak tatatertib.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, saya teruskan.

Tuan Pengerusi, kemajuan perkampungan, mengikut peruntukan-peruntukan dalam

Kementerian dahulu ialah khas untuk kampung-kampung baru sahaja dan tidak untuk kampung-kampung tradisional, oleh kerana kampung-kampung tradisional adalah di bawah Kementerian yang lain, iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Kedua, ialah kita semua tahu sekarang bahawa peruntukan-peruntukan untuk kampung-kampung baru pun dipindah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan saya mahu timbulkan satu perkara sama ada cara ini sah, regular atau tidak, oleh kerana dengan pemindahan peruntukan ini kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, perbelanjaan ini bukan lagi di bawah bidang kuasa atau di bawah kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekarang ini sudah dipindahkan. Nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab bahawa satu perkara yang dia sudah hilang tanggungjawab, dia sudah hilang kuasa, oleh kerana bidang kuasa ini sudah pun diberi kepada Kementerian lain.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itukah point of order?

Tuan Lim Kit Siang: Itulah point of order dan saya harap satu ruling dibuat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tak payah, saya buat ruling sekarang, Menteri yang berkenaan sedia menjawab.

5.15 *pm*.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jawab semua termasuk point yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong.

Puan Napsiah binti Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat bangun untuk menyertai perbahasan ini berkenaan dengan wang yang digunakan sebanyak \$5.5 juta ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Arau, Rasah, Petaling Jaya, termasuk jugalah Ketua Pembangkang dari Tanjong telah membangkitkan beberapa perkara, tetapi sebelumnya itu izinkan saya untuk menerangkan sedikit berkenaan dengan kampung baru ini supaya jangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membuat andaian yang saya akan bangun untuk mengatakan sudah hilang kuasa dan tidak mahu menjawab. Tetapi Kerajaan Barisan Nasional ini adalah satu Kerajaan yang bertanggungjawab dan tidak akan lari daripada tanggungjawabnya dan saya sedia untuk memberi jawapan (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi, semasa zaman darurat dahulu di Tanah Melayu tahun 1948 hingga 1960, satu racangan telah diadakan untuk memerangi ancaman komunis iaitu Rancangan Briggs dan ini telah dilaksanakan secara pembentukan penempatan-penempatan baru atau kawasan penempatan semula penduduk dan pada masa itu sebanyak lebih kurang 600 kawasan telah dibentuk dengan dikenali sebagai Kampung-kampung baru. Kampung-kampung baru ini telah dirancang sebagai satu tempat sementara tetapi telah menjadi ciri-ciri yang kekal dalam landscape fizikal negara kita ini.

Pada masa ini oleh kerana beberapa perkara, kita telah dapat mengenalpasti hari ini sebanyak 452 buah kampung baru dan ini rasa saya dapatlah menjawab pertikaian tadi antara ada yang menyebutkan 465 dan

ada yang menyebutkan 500. Inilah saya beri jawapan yang tepat: hari ini ada 452 buah kampung dan kalau hendak lagi maklumat

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Puan Napsiah binti Omar: Sila.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Arau kata 500, dan saya pun tak tahulah daripada langitkah dia dapat angka itu, tetapi Yang Berhormat itu tadi kata 600 dan di dalam Rancangan Malaysia Keempat dikatakan 465 dan di bawah Rancangan Malaysia Kelima ada disebut 452. Jadi, hilang 13 buah kampung begitu sahaja (*Tepuk*). Inilah hairan sekalinya. Sudah tidak ada penjelasan langsung di dalam Rancangan Malaysia Kelima. Saya pun hendak tahu setakat ini apakah jawapannya.

Seorang Ahli: Cakap, cakap, dengan tepat.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, Kerajaan Barisan Nasional ini adalah satu Kerajaan yang dinamik. Kita tidaknya duduk satu tempat sahaja, kita mengkaji keadaan bila difikirkan klasifikasi itu tidak tepat, jadi kita akan menaiki tarafnya. Jadi, hari ini apa yang kita terdapat sebagaimana yang saya katakan ialah 452 kampung baru, tetapi tak tahulah kalau hendak ikut istilah orang DAP ini kerana dia ini tetap sahaja tempatnya; tetapi orang Barisan Nasional memang beralih mengikut zaman. Izinkan saya untuk meneruskan, Tuan Pengerusi.

Untuk makluman juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Puan Napsiah binti Omar: Sila.

Dr Eng Seng Chai: Kata Timbalan Menteri ikut zaman sahaja kita ada kemajuar. Saya hendak tanya mengenai kehilangan 13 kampung ini, adakah 13 kampung ini jadi bandar.

Puan Napsiah binti Omar: Janganlah marah-marah, Ahli Yang Berhormat. Kalau duduk di bandar mana tahu keadaan di kampung-kampung (*Tepuk*).

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap.

Puan Napsiah binti Omar: Sila.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, bukan semua kampung-kampung baru itu terletak di luar bandar. Ada pun kampung-kampung baru itu terletak di dalam bandar. Begitulah. Tidak boleh dibeza-bezakan antaraan kampung-kampung baru di luar bandar atau di dalam bandar. Sama sekali dalam bandar dan luar bandar pun kampung baru juga.

Seorang Ahli: Betul (*Tepuk*).

Puan Napsiah binti Omar: Betul. Tadi inilah yang tak sabar orang DAP ini. Tunggulah saya beri jawapan dan penjelasan. Tahap kemajuan pembangunan kampung-kampung hari ini, kampung-kampung yang disebutkan sebagai Kampung baru ini mengikut klasifikasi yang kita buat hari ini, Kelas "A" ada, Kelas "B" ada, Kelas "C" ada. Yang dalam bandar sebanyak 59; yang diklasifikasikan sebagai kelas dalam bandar iaitu yang baik 6, yang sederhana 43 dan yang kurang memuaskan 10. Separuh bandar ada juga—241; luar bandar ada 106 dan jumlahnya di sini sebanyak 406.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Puan Napsiah binti Omar: Jangan bangkit dahulu, saya akan ceritakan! (*Ketawa*) 46 kampung yang lain itu maklumatnya belum lengkap lagi dan saya sebagai orang yang bertanggungjawab akan memberinya bila maklumat penuh tetapi hari ini, Tuan Pengerusi, sepertimana yang dikatakan tadi, kerana kita pada hari itu membincangkan yang \$5.5 juta yang saya sebutkan ini tadi adalah maklumat tambahan sahaja untuk mengajar orang yang tidak tahu (*Ketawa*). Semasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memohon peruntukan sebanyak \$5.5 juta di bawah P. 31 peruntukan itu adalah untuk Projek Pembangunan Kampung Baru dan apabila Perbendaharaan mencetak Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, 1986, program itu masih di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sebab itulah saya bangkit untuk menjawab dan bukannya daripada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kerana perkara ini berlaku semasa masih di dalam Kementerian Perumahan. Saya harap tidak ada lagi pertikaian tentang perkara ini sama ada di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Perubahan dasar mengenai pembangunan kampung di mana Pembangunan Kampung Baru adalah sebahagian daripada program Pembangunan Luar Bandar secara menyeluruh, baru sahaja diumumkan dan usaha sedang dijalankan untuk merancang program bersepadu. Pemindahan bahagian Pembangunan Kampung Baru ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar adalah berkuatkuasa mulai 15hb Oktober ini dan perkara yang kita sedang bincangkan ini adalah berkenaan dengan pembangunan yang sedang dibuat sehingga September tahun 1986 ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah bertanya tadi berkenaan dengan jenis-jenis projek wang ini digunakan. Jenis-jenis projek itu adalah jenis-jenis projek seperti jalan, perparitan, bangunan awam, rekreasi, untuk kesihatan dan juga untuk bekalan seperti air dan elektrik, jambatan, sekolah dan lain-lain lagi. Kebanyakan projek rekreasi dan pagar juga kita dapati terletak di dalam kawasan-kawasan sekolah dan juga kebanyakan projek-projek pembangunan awam dan projek-projek lain adalah projek-projek keagamaan, sebabnya Kerajaan ini memang bertanggungjawab sebagaimana saya katakan tadi dan juga untuk menjawab pertanyaan-pertanyaan, untuk menjelaskan kepada Yang Berhormat dari Arau, saya inginlah hendak menyatakan di sini sungguh pun disebutkan, dan ini juga hendak cakap jugalah sedikit sebabnya Ketua Pembangkang tadi ada silap sedikit, saya hendak betulkan kesilapan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, iaitu katanya tadi wang ini adalah khas untuk Pembangunan Kampung Baru sahaja. Tetapi sebenarnya kewangan ini juga digunakan untuk kawasan-kawasan yang bukan Kampung Baru tetapi kawasan persekitaran di kawasan Kampung-kampung Baru itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua, peruntukan dalam Kampung Baru yang kita gunakan wang \$5.5 juta ini adalah 64% dan peruntukan bukan Kampung Baru adalah 30%. Saya nampaknya dalam perkara membahaskan berkenaan dengan Kampung-kampung Baru ini nampaknya Ahli-ahli Pembangkang rasa saya tentulah menyokong perbelanjaan tambahan ini sungguhpun dia tidak sebut, tetapi caranya itu tadi saya dapatlah imbas memandangkan yang mereka ini semua menyokong. Ini nampaknya satu kali pihak Pembangkang bersama-sama dengan Barisan

Nasional untuk membangunkan Kampung-kampung Baru ini adalah sehalu fikiran.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat hari ini ada steady sedikitlah! Nampaknya orang dari Negeri Sembilan pun kadangkala timbul yang steady (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, yang pertamanya di dalam Memorandum dan Kertas-kertas Perintah ini saya tiada nampak kampung-kampung yang lain disebutkan di sini, tidak nampak langsung. Dan yang kedua itu, kami ada sebutkan di sini terutama Yang Berhormat dari Tanjong ada pernah sebutkan di sini bahawa untuk kepentingan rakyat Malaysia, untuk kebahagiaan rakyat Malaysia, sekiranya langkah-langkah ataupun dasar yang diambil oleh Kerajaan itu betul, yang tidak bercanggah dengan prinsip kami, kami sokong untuk kepentingan rakyat jelata (*Tepuk*).

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Pengerusi, sebelum saya menambah lagi maklumat yang diperlukan ini, saya inginlah dengan izin mengucapkan "Thank you for your compliment" (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya akan teruskan. Memanglah kalau yang tidak cukup itu memang betul, peruntukan tidak cukup. Tetapi apakan daya, hajat di hati nak peluk gunung tetapi tangan tak sampai (*Tepuk*). Kalau keadaan ekonomi kita mengizinkan, insya Allah, kita akan teruskan untuk memberi kesejahteraan dan kebahagiaan kepada rakyat di negara ini, tidak kira bangsa dan agama.

Tuan Pengerusi, saya inginlah teruskan sedikit lagi, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya juga adalah berkenaan dengan tidak kurang peruntukan yang lebih pada masa-masa yang akan datang. Jadi, saya

berharap masa Budget yang akan dibentangkan ini semua Ahli-ahli DAP akan menyokong permintaan Kerajaan Barisan Nasional ini.

Dr Eng Seng Chai: Untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia sudah habis, Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$5,550,000 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1986 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,550,000 untuk maksud P.14 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1986.

Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1986)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

5.40 ptg.

Tuan Gerard Math (Gaya): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud P.17, Kementerian Wilayah Persekutuan, Butiran 33, Kertas Perintah 30.

Tuan Pengerusi, dalam Kertas Perintah 31, muka 3, \$69.1 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Majlis Perbandaran Labuan untuk membiayai Rancangan Kawasan Perindustrian, Projek Gudang Saguking, menjelaskan hutang-hutang Majlis dan bayaran pampasan tanah.

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai bayaran pampasan tanah sahaja. Sebelum dan semenjak Labuan menjadi Persekutuan atau Federalisation of Labuan, dengan izin, banyak tanah yang dimiliki oleh perseorangan bumiputera atau bukan bumiputera telah diambil oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan. Jumlah wang yang ditawarkan oleh Kerajaan adalah banyak kekurangan daripada harga yang dibayar oleh tuanpunya-tuanpunya tanah. Keadaan ini akan menimbulkan berlawanan undang-undang yang berlarutan atau protracted legal battle, dengan izin, yang mana ia akan memakan masa yang lama dari empat hingga lima tahun atau lebih untuk mendengarkan kes ini di mahkamah.

Kebanyakan tuanpunya-tuanpunya tanah ini adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Saya ingin menggesa Kerajaan supaya menjalankan asas-asas yang berikut untuk menyelesaikan masalah ini.

Jika sekiranya harga yang ditawarkan oleh Kerajaan ialah \$5 kaki persegi dan harga yang diminta oleh tuanpunya-tuanpunya tanah ialah \$8 kaki persegi, maka Kerajaan haruslah dengan serta merta membayar pampasannya sebanyak \$5 kaki persegi dan perbezaannya yang \$3 itu harus diputuskan di mahkamah. Dan sekiranya keputusan mahkamah ialah \$4 kaki persegi, maka tuanpunya tanah yang berkenaan hendaklah memulangkan \$1 kaki persegi kepada Kerajaan atau sebaliknya. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh meminda undang-undang supaya pampasan tanah dapat dipercepatkan.

5.43 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kertas Perintah 30, Maksud 17, Butiran 1—Perumahan Awam Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, perumahan awam adalah satu perkara kepentingan awam yang terpenting sekali dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kekurangan perumahan kos rendah telah menjadi semakin teruk pada masa ini jika dibandingkan dengan masa dahulu. Walaupun Kementerian mendakwa telah membuat sedaya-upaya untuk menyediakan rumah-rumah pangsa kos rendah kepada beribu-ribu orang yang tidak mempunyai rumah dan golongan miskin, tetapi prestasinya setakat ini jauh daripada memuaskan.

Seperti mana yang telah diberitahu oleh Menteri Wilayah Persekutuan di dalam Dewan yang mulia ini kelmarin, terdapat sebanyak 49,939 keluarga dalam Bandaraya yang berdaftar dengan Dewan Bandaraya sehingga akhir Ogos lepas untuk menyewa rumah pangsa, tetapi hanya 4,621 orang sahaja yang berjaya dalam permohonannya. Saya difahamkan bahawa hanya 3,614 unit rumah kos rendah akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan sebanyak 12,333 unit yang dicadangkan dibina di bawah program perumahan swasta.

Tuan Pengerusi, bermula dari hari yang saya dipilih, saya telah dihubungi oleh ramai orang—jumlah mereka tidaklah dapat saya kira—yang meminta saya membantu mereka mendapatkan rumah pangsa Dewan Bandaraya. Sebenarnya aduan-aduan mengenai kekurangan perumahan awam dan kesusahan atau kesukaran memperuntukkan rumah pangsa menjadi aduan terbesar rakyat yang saya terima dan hal ini berlaku juga kepada rakan-rakan saya di kawasan yang lain di Wilayah Persekutuan. Ini menunjukkan betapa seriusnya kekurangan perumahan awam di Kuala Lumpur. Perumahan ialah keperluan asas untuk semua manusia dan untuk menjaga keperluan atau

kebajikan penduduk Kuala Lumpur, ia merupakan satu tanggungjawab pihak Kerajaan untuk memperbaiki atau meningkatkan kebajikan dan kehidupan rakyatnya.

Penduduk Kuala Lumpur sentiasa bertambah dengan cepat dan masalah perumahan akan menjadi bertambah buruk, melainkan Kerajaan bersedia melancarkan program perumahan awam yang lebih berkesan. Dengan bertambah ramai rakyat berhijrah ke Kuala Lumpur dan kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi di masa kini, maka permintaan untuk mendapatkan rumah murah menjadi lebih besar. Keadaan kemelesetan ekonomi yang berpanjangan sekarang adalah merupakan satu masalah besar kepada golongan berpendapatan kecil yang masih membayar sewa rumah yang mahal yang dipunyai oleh tuanpunya persendirian.

Saya bersimpati dengan mereka yang membayar lebih $\frac{1}{3}$ atau setengah daripada pendapatan keluarga kerana sewa rumah dan mereka merasa tidak selamat kerana sentiasa dikejar oleh tuanpunya rumah.

Tuan Pengerusi, saya merasa dukacita kerana mendapati Kerajaan membelanjakan banyak wang awam untuk membina projek-projek "gajah putih" seperti kompleks Dayabumi. Projek-projek ini kurang menghasilkan di segi ekonomi, sebaliknya hanya sedikit wang sahaja diperuntukkan untuk membina lebih banyak rumah awam untuk menampung permintaan yang kian bertambah. Sebahagian besar penduduk-penduduk Bandaraya adalah dari golongan berpendapatan rendah. Untuk memiliki rumah adalah merupakan satu mimpi kepada mereka. Saya harap Kerajaan akan mengamalkan satu sikap yang sederhana dan bertimbangrasa untuk membantu supaya impian mereka menjadi kenyataan secepat yang

mungkin dengan melancarkan satu program perumahan kos rendah secara besar-besaran.

Tuan Pengerusi, menurut fahaman saya, daripada jumlah semua rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan atau usahasama di Kuala Lumpur hanya lebih kurang 20% adalah untuk disewa. Saya rasa kuota ini perlu dinaikkan lagi memandangkan pendapatan sebenarnya rakyat pada umumnya kerana kemelesetan dan inflasi. Adalah didapati bahawa jika mereka diberikan peluang untuk membeli rumah kos rendah, ianya di luar kemampuan mereka untuk membelinya. Saya difahamkan bahawa mereka lebih suka menyewa rumah-rumah pangsa Dewan Bandaraya dan layak membeli rumah pangsa selepas 10 tahun mendudukinya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sangat perlahan dalam mendirikan rumah pangsa untuk disewa. Lebih-lebih lagi untuk mereka yang memohon untuk menyewa rumah pangsa mereka sekarang mendapat sukar untuk mendapatkan rumah kerana setinggalan-setinggalan yang terlibat dalam projek pembangunan dan tindakan mengambil balik tanah diberikan keutamaan untuk ditempatkan semula dalam rumah pangsa. Malah rumah pangsa untuk sewa pun masih berkurangan untuk menampung permintaan para setinggalan yang diusir oleh Dewan Bandaraya. Saya difahamkan bahawa arahan pengusiran dalam setengah-setengah kawasan tertentu telah dilanjutkan pada tempoh yang tidak ditetapkan kerana kekurangan rumah pangsa untuk disewa. Ini bermakna mereka yang memohon haruslah menerusi sistem pendaftaran yang terbuka.

Untuk mereka yang memohon untuk menyewa rumah pangsa, menghadapi masalah kerana Menteri

Wilayah Persekutuan sendiri, saya percaya, tidak dapat menganggarkan bilakah pemohon-pemohon ini akan ditawarkan rumah-rumah pangsa.

Tuan Pengerusi, walaupun Kerajaan telah banyak menyuarakan dan berjanji untuk membina lebih banyak rumah kos rendah, tetapi sebenarnya banyak rumah yang dibina oleh Kerajaan atau projek usahasama adalah untuk dijual yang berharga sederhana dan bukan kos rendah yang mana tidak termampu dibeli oleh orang ramai. Sebagai contoh, kebanyakan rumah yang dibina di Bandar Baru Wangsa Maju, Setapak, iaitu satu projek perumahan yang mengandungi 12,000 unit rumah yang dijual di antara harga \$37,000 hingga \$64,000. Kebanyakan mereka yang memohon untuk membeli rumah pangsa \$25,000 diperuntukkan pula dengan rumah pangsa kos sederhana yang mereka tidak mampu.

Saya mendapati ramai pemohon-pemohon yang berjaya terpaksa menolak tawaran untuk membeli rumah kos sederhana kerana kesulitan kewangan yang mereka tidak mampu. Memandangkan ramai pemohon yang memohon untuk membeli rumah yang berharga \$25,000 ke bawah, Kerajaan hendaklah menumpukan hanya untuk mendirikan rumah-rumah jenis ini pada masa depan. Adalah sesuatu yang mendukacitakan kepada seseorang yang berjaya ditawarkan sebuah rumah untuk dibeli tetapi tidak mampu untuk membayarnya.

Berhubung dengan peruntukan rumah pangsa Dewan Bandaraya saya ingin menegaskan di sini bahawa hanya peruntukan yang dibuat menerusi pecahan menurut kaum setiap pemohon sahajalah yang dianggap adil. Saya difahamkan bahawa terdapat ramai pemohon bukan Melayu yang memohon rumah-rumah kos rendah dalam Kuala Lumpur. Kuota peruntukan kepada

orang Melayu tidaklah boleh melebihi angka bukan Melayu tetapi diperuntukkan menurut pecahan sesuatu kaum.

Saya pernah difahamkan oleh kakitangan Kerajaan bahawa rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hendaklah menurut kadar—7 Melayu: 2 Cina: 1 India dan lain-lain. Jika kenyataan saya ini tidak benar harap Yang Berhormat Menteri berkenaan menerangkan kedudukan yang sebenar.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh aspek menyelenggara rumah pangsa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Adalah tidak boleh dinafikan bahawa terdapat banyak rumah pangsa yang tidak boleh diselenggarakan dengan baik oleh pihak berkuasa berkenaan. Kebanyakan masalah yang biasa didapati di kebanyakan rumah pangsa ialah seperti kerosakkan lif-lif lama yang kerap berlaku, sampah-sarap tidak dikutip dengan teratur dan kerosakan kepada bangunan rumah pangsa itu sendiri dan lain-lain hal.

Saya menerima banyak aduan daripada penghuni rumah pangsa yang merungut tentang sikap tidak endah dan tidak mengambil berat terhadap aduan-aduan mereka mengenai kelemahan-kelemahan penyelenggaraan dan perkhidmatan. Untuk rumah pangsa yang berbilang tingkat dan mempunyai lif-lif yang sudah lama adalah sesuatu yang perlu di segerakan oleh pihak yang berkenaan untuk menukar ganti lif-lif tersebut dengan lif-lif yang baru. Kemalangan lif dan lif-lif lama yang tidak boleh berfungsi dengan baik telah mengakibatkan beberapa

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat ringkaskan?

Tuan Tan Kok Wai: 30 saat lagi (*Ketawa*). Kemalangan lif dan lif-lif lama tidak boleh berfungsi dengan baik telah mengakibatkan beberapa mala petaka yang meragut nyawa beberapa orang penghuni rumah pangsa dan pihak Kerajaan hendaklah menjadikan ianya satu pengajaran. 30 saat ucapan saya ini tamat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

5.52 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini satu ucapan yang singkat sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Baik.

Dr Tan Seng Giaw: Memandangkan kedua-dua rakan saya telah sebutkan dengan panjang lebar. Untuk membantu, Tuan Pengerusi, iaitu Kertas Perintah 30, Butiran 33, Maksud P.17—Projek-projek di bawah Majlis Perbandaran Labuan, tambahan \$69,150,000 merupakan pinjaman kepada Majlis Perbandaran Labuan untuk pembiayaan Rancangan Kawasan Perindustrian, Projek Gudang Saguking. Ini akan menjejaskan hutang-hutang Majlis dan bayaran pampasan tanah. Oleh itu, perlulah bagi Kerajaan mengumumkan hutang-hutang tersebut dan juga pampasan yang telah ditetapkan.

Memandangkan bahawa ini satu projek yang baru apakah keluasan perindustrian yang dirancangan? Dan apakah anggaran kos keseluruhannya bagi projek perindustrian ini, apakah bentuk projek perindustrian yang akan digalakkan, berapa banyakkah yang akan digunakan untuk membiayai Rancangan Kawasan Perindustrian, Projek Gudang Saguking, hutang-hutang Majlis dan bayaran pampasan

tanah? Apakah di antara kandungan-kandungan hutang yang ditanggung oleh Majlis Perbandaran Labuan? Apakah jumlah setiap butir dan asal-usul hutang tersebut? Apakah keluasan tanah yang terlibat dalam pampasan tanah dan apakah tujuan-tujuan bagi pengambilan alih kepingan-kepingan tanah tersebut? Bilakah agaknya projek perindustrian yang dirancangan akan berhasil dan apakah jangkaan hasilnya dari segi menyediakan peluang-peluang pekerjaan, sumbangan kepada pasaran dalam negeri dan sumbangan kepada jumlah eksport negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuantan.

5.55 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kertas Perintah 30, Maksud P.17, Butiran 1 dan 33 iaitu di muka surat 4.

Saudara Yang Berhormat dari DAP ada menyebut tentang wang pampasan di Labuan. Ini sungguh menarik perhatian saya. Memang sebenarnya pampasan ini patut merupakan sesuatu yang adil tetapi, bagaimanapun, saya rasa Kerajaan patut juga berawas-awas dan berwaspada supaya tuntutan itu jangan terlalu sangat kita layan, kerana yang menjadi naiknya nilai tanah berkenaan ialah polisi kita menjadikan Labuan itu sebagai Wilayah Persekutuan.

Dalam perkara ini saya teringat jiran kita, kalau boleh saya sebut, dengan izin, Singapura, pernah pada suatu masa dahulu apabila Kerajaan membuka sesuatu projek dan apabila orang-orang berkenaan menuntut pampasan begitu tinggi, Kerajaan Singapura akan menjawab bukan kerana awak harga itu naik, tetapi

kerana kita membuat projek jalan maka harga tanah naik. Jadi kitalah yang akan menentukan apa dan berapa banyak yang awak akan dapat.

Itulah saya rasa, Tuan Pengerusi, sambil kita layan-layan, jangan terlalu kita layan sangat; tidak akan habis tuntutan itu dan tentu sekali akan mengambil masa yang protracted, dengan izin, untuk menyelesaikan masalah pampasan ini.

Yang satu lagi ialah soal Butiran 1 mengenai perumahan di Wilayah Persekutuan. Saya tahu tentang perumahan ini terutama rumah pangsa adalah keperluan utama semua manusia dalam dunia ini. Tetapi walau bagaimanapun kita mencuba, masalahnya pasti ada, terutama sekali negara kita Malaysia ini, terutamanya Semenanjung Malaysia, sebuah bandar sahaja merupakan "big apple", dengan izin, iaitu Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, langkahnya orang tetap datang ke Kuala Lumpur, 50,000 setahun ataupun sebagainya. Jadi kalau kita menyebutnya sebagai satu masalah, saya rasa masalah itu akan ada, dan berapa ribu pun rumah pangsa yang kita buat, masalahnya tidak akan dapat diatasi juga. Begitu juga tentang soal harga. Saya rasa walau apa pun, harga merupakan satu kuasa yang tersendiri, merupakan satu information, dengan izin, tersendiri juga. Dan bagi peniaga yang diswastakan projek perumahan ini, tentu sekali harga yang murah tidak menarik mereka untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja kontrak, umpamanya. Jadi itulah soal harga ada kaitan dengan jumlah unit yang dibuat dari tahun ke tahun.

Kenapa saya kata soal perumahan ini tidak akan dapat diatasi. Sejarah ada menunjukkan bahawa, umpamanya Hong Kong sendiri tidak dapat mengatasi masalah ini bertahun-tahun; Mexico City; Peking atau

Canton sendiri pun tidak dapat mengatasi soal-soal seperti ini. Begitu juga London, Manila dan Jakarta pun tidak dapat atasi.

Jadi, Tuan Pengerusi, sambil kita mengangkat tabik terhadap saudara kita daripada DAP tadi menyebut tentang masalah perumahan di Wilayah Persekutuan ini, kita juga harus mengiktiraf realitinya iaitu soal perumahan ini tidak dapat diatasi secara sempurna dan 100%, walau banyak manapun Kerajaan Barisan Nasional kita ini memberi peruntukan, menggunakan segala usaha, untuk mengatasinya. Terima kasih, itu sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau.

6.00 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, mula-mula saya hendak bercakap Maksud P.17—Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Butiran 1, mukasurat 4 Kertas Perintah 30/86. Saya menyebutkan ini selaras dengan Peraturan Mesyuarat 67 (9), sebab saya tidak sejahil Ketua Pembangkang yang tidak menyebut perkara ini sebentar tadi, sejahil Ketua Pembangkang, Butiran 1.

Tuan Pengerusi, sebagaimana rakan-rakan saya telah sebutkan tadi bahawa perumahan awam adalah penting kepada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan dalam usaha kita memberi penduduk-penduduk di sini. Kita tahu bahawa banyak masalah yang telah disebutkan yang dihadapi seperti masalah perkhidmatan dan lain-lain lagi. Dengan itu, saya di samping meminta perhatian yang wajar diberikan untuk memberi perkhidmatan yang lebih lagi kepada perumahan ini, juga kita minta sesuatu dibuat supaya masalah ini diselesai di dalam bentuk in-situ, makna kata

kawasan perumahan itu sendiri melibatkan diri dengan soal-soal perkhidmatan. Dengan cara demikian, walaupun ini satu perkara yang baharu, kita dapat mewujudkan kefahaman ataupun kesedaran diri betapa pentingnya bahawa perkhidmatan dan juga lain-lain perkara ini adalah tanggungjawab bersama. Kita tahu walaupun kita menghadapi masalah lift dan sebagainya, hal ini pihak Bandaraya boleh memperbaikinya dari semasa ke semasa, tetapi penggunaanya juga mestilah bertanggungjawab. Jadi, kesedaran sivik ini bukan sahaja dengan cara kita bagi penerangan tetapi dengan penyertaan bahawa mereka sama-sama terlibat. Contohnya, mereka mempunyai Jawatankuasa Perumahan bagi kawasan tertentu maka terlibat dalam perkhidmatan angkut sampah ataupun lain-lain lagi. Dengan cara demikian, kita dapat mengatasi masalah perkhidmatan yang kita rasa mendatangkan belanja yang begitu banyak bagi tiap-tiap kawasan perumahan awam.

Kemudian Butiran 26 di bawah Maksud P.17 juga iaitu Kompleks Perniagaan dan Pasar. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa kompleks ini penting untuk memberi perkhidmatan dan juga lain-lain lagi kepada penduduk-penduduk Bandaraya Kuala Lumpur. Saya ingin menyentuh satu perkara dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Adalah wajar pihak Bandaraya melihat bahawa kompleks perniagaan ini diberi penyertaan yang sewajarnya dalam bentuk penyertaan bumiputera dan juga lain-lain bangsa agar selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Makna kata, kalau sekiranya kita membina pasar seperti Pasar Borong kita lihat amat kurang sekali penyertaan bumiputera dalam perniagaan tersebut, saya rasa eloklah supaya diberi kuota yang tertentu untuk melibatkan bahawa kedudukan

masyarakat Malaysia ini adalah masyarakat yang majmuk di bandar-bandar dan dengan itu ianya menggambarkan kedudukan perpaduan. Kita tidak mahu lihat apabila kita masuk satu-satu tempat seolah-olahnya ia menggambarkan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu saya ingat dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan dasar. Ini cara pemberian (*Ketawa*). Orang yang telah ketawa itu juga jahil.

Dr Eng Seng Chai: Tarik balik.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan gunakan perkataan itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tak apa, saya teruskan. Tuan Pengerusi, dengan cara demikian, kita akan dapat membolehkan

Dr Tan Seng Giaw: On a point of order—Tatatertib Mesyuarat 67 (9). Saya tidak nampak butir-butir yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dia tidak nampak butir-butir yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, dia tidak baca dengan teliti. Itulah sifat-sifat Yang Berhormat dari Arau (*Tepuk*).

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban): Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi bercakap tadi mengenai rumah pangsa, tidak ada langsung dalam Budget ini untuk rumah pangsa (*Tepuk*). Jadi tidak usah berlain daripada satu mata.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, itulah sifat Yang Berhormat dari Kepong yang tidak mengerti "jahil".

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak berucap.

Seorang Ahli: On a point of order, biadap.

Tuan P. Patto: On a point of order, Tuan Pengerusi. Saya minta Tuan Pengerusi buat satu keputusan sama ada perkataan "jahil" itu unparliamentary atau tidak.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tadi Yang Berhormat tidak ada di sini, saya ingat. Saya sudah kata Yang Berhormat teruskan, jangan menggunakan perkataan itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya patuh arahan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi tidak tetapkan lagi mengenai Peraturan Mesyuarat 67 (9).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah beritahu Yang Berhormat tadi, dia sekarang teruskan dengan tidak menyentuh perkara itu lagi. Teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Orang yang berdegil-degil boleh dicampak keluar.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, jadi berhubung dengan kompleks perniagaan ini, saya menyetujui bahawa kompleks itu kita bina dengan peruntukan yang telah ditentukan dalam Kertas Perintah 30 ini tetapi

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat itu tidak mematuhi arahan. Macam mana boleh Yang Berhormat dari Arau tidak patuh kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya menyebut kepada Butiran yang terkandung dalam Anggaran Belanja yang diminta untuk perbelanjaan tambahan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi butirnya hendak sebut butir apa kalau tidak cerita benda butir itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan menyentuh dasar, butir cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak. Dasarnya ialah dasar untuk kita bina kompleks itu dasar. Apabila kita bina, kita hendak bagi itu butiran disebut yang tidak tertulis di sini bahawa pasar yang dibina ini hendak dibagi kepada si anu si anu. Jadi, eloklah kalau boleh

Dr Tan Seng Giaw: Kompleks yang disebutkan tidak ada langsung dalam Butiran.

Tuan Shahidan bin Kassim: Demikian juga perbincangan yang dibuat tadi berhubung dengan lift tidak ada dalam butiran. Ini, Tuan Pengerusi, telah tetapkan. Inilah Yang Berhormat dari Kpong yang tidak mengerti, bukan jahil, saya tidak mahu gunakan perkataan itu. Tidak mengerti sifatnya yang tidak tahu mengerti dan tidak mahu mendengar dan tidak tahu menghormati majlis, bangun duduk, bangun duduk. Tuan Pengerusi, belum kata bangun dia sudah bangun, kita hendak bercakap dia hendak bercakap dan sebagainya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat teruskan ucapan dan ringkaskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ringkaskan sampai 6.30 (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, dari segi perbincangan kita dikehendaki untuk menyentuh buruk-baiknya sesuatu perkara yang hendak dibincangkan di bawah butiran yang berkenaan. Baiknya ialah kita membina kompleks perniagaan dan pasar, itu baik, dianya boleh memberi perkhidmatan kepada semua pihak. Tetapi buruknya kalau sekiranya ia tidak menggambarkan yang peniaga-peniaga itu terdiri daripada berbagai-bagai kaum. Saya mengikut Peraturan Mesyuarat. Jadi, dengan itu

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Untuk apa?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tak payah dia sudah habis. Dia tidak menyentuh perkara itu lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia bangun hendak buat apa, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau dia hendak exercise dia boleh turun ke bawah untuk bangun dan duduk. Tuan Pengerusi, jadi demikianlah sahaja tentang Butiran 26 di bawah Maksud P.17 bahawa pihak Bandaraya harus memberi perhatian perkara ini.

Kemudian, di bawah Butiran 33 di bawah Maksud yang sama—projek-projek di bawah Majlis Perbandaran Labuan. Butiran-butirannya telah diberi dengan terperinci. Jadi, saya akan membincangkan mengikut apa yang dikehendaki oleh Peraturan Mesyuarat. Kita tahu bahawa ianya perbandaran baru Majlis Perbandaran Labuan. Sebagaimana kita sedia maklum ia merupakan bandar baru dalam Wilayah Persekutuan, dengan itu banyak keperluan-keperluan yang

diperlukan untuk membolehkan projek-projek dijalankan di bawah Majlis Perbandaran.

Sekali lagi kita harus sedar bahawa walaupun Labuan baru dimasukkan ke dalam Wilayah Persekutuan tetapi Labuan haruslah mencapai tahap pembangunan di bawah Butiran ini selaras dengan bandar-bandar baru di dalam Wilayah Persekutuan. Dengan itu oleh kerana kita banyak mempunyai model-model baru untuk projek-projek di bawah Majlis Perbandaran, kita harus lihat bahawa tiap-tiap pelaksanaan projek-projek baru ini ianya mestilah selaras dengan dasar, bukan saya hendak bincang dasar, saya kata selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Dengan itu tercapailah kehendak bahawa kita hendak memperbandarkan, sebagai contoh, orang-orang yang tinggal di luar bandar dan juga memberi kesedaran kepada penduduk-penduduk bandar betapa pentingnya penyertaan semua pihak dalam perbandaran baru dan yang akhir sekali di bawah Butiran 40 di bawah B.17 iaitu Pembangunan Bandar Baru Bukit Tinggi. Ini banyak perkara boleh disentuh bahawa pembangunan bandar baru ini memang elok dibuat untuk membolehkan kita menambahkan keluasan Wilayah di samping kita membangunkan kawasan-kawasan baru.

Saya ingin menyebut satu bandar di bawah dasar tetapi yang berhubung dengan Butiran. Ini sebagai contoh. Sebagai contoh boleh, iaitu di bawah Dasar Ekonomi Baru kita mahu

Dr Tan Seng Giaw: Point of order—Tertib Mesyuarat kerana 67 (9). Kita tidak bincangkan Dasar Ekonomi Baru di sini, mengapa dia masih

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya bersetuju, Yang Berhormat jangan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya juga bersetuju.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa Yang Berhormat sedar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, sedar. Saya beri contoh, tidak bolehkah dalam ucapan kita beri contoh? Contohnya kata Yang Berhormat dari Kepong tidak mengerti, contohlah, ini tidak boleh sebut dalam Butiran tetapi dia sebut saya, saya juga sebut dia.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan contoh itu, menyentuh dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Contoh tidak elok, kita beri contoh Dasar Ekonomi Baru yang elok. Semua orang faham bahawa Dasar Ekonomi Baru penyertaan kaum Bumiputera adalah penting untuk menggambarkan kedudukan—contoh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Contoh pun tidak boleh, kalau menyentuh dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Contoh tidak boleh, oh!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Baru sedar Yang Berhormat (*Ketawa*).

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan, saya ingat contoh boleh. Contohnya Amerika menjalankan projek-projek pembangunan. Contohnya supaya kita mengikut bandar-bandar yang telah menjalankan

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 67 (9) lagi, Tuan Pengerusi, kerana itu Tuan Pengerusi terpaksa membuat keputusan, kalau tidak

mahu patuh, kita usir dialah. Tidak payah cagak lagi, kalau tidak ada modal.

Tuan Shahidan bin Kassim: Di bawah Peraturan Mesyuarat berapa hendak usir saya, sebelum saya buat cadangan hendak usir Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Teruskan?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan menyentuh dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Di bawah Butiran ini disebut bahawa pengambilan balik Janda Baik, pembangunan Bandar Baru Bukit Tinggi. Itu Butirannya. Dalam Butiran ini kita menyebut bagaimana ianya mendatangkan buruk dan baik. Baca Peraturan Mesyuarat. Jadi, dalam pengambilan

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan, jangan kata apa you hendak kata.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab dia bangun, duduk; bangun, duduk, Tuan Pengerusi, mengganggu fikiran saya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan pandang di sana. Pandang saya (*Ketawa*).

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, ubah sedikit tempat duduk, senang saya pandang Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Pandang saya lebih seronok (*Ketawa*).

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, bahawa pengambilan balik

tanah, jadi kita lihat bahawa tanah-tanah yang Cuba lihat, saya tulis semua saya tidak boleh baca sekarang.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 67 (9). Jadi tidak ada kena mengena dengan Butiran itu sekarang. Apakah dia hendak bahas di sini, cuma hendak lanjutkan masa, buang masa di dalam Dewan ini, itu tidak patut, Tuan Pengerusi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu penjelasankah atau apa ini?

Dr Tan Seng Giaw: Itu Tertib Mesyuarat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa yang saya sebut yang tidak masuk dalam Butiran.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat sedang berucap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Butirannya ialah pengambilan Janda Baik dan juga Pembangunan Bandar Baru di Bukit Tinggi. Cuba baca, kalau tidak tahu, saya tolong tunjuk.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bandar Baru Bukit Tinggi sekarang kita bahaskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya. Pengambilan Janda Baik kepada Pembangunan Bandar Baru Bukit Tinggi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Bukit Tinggi dia kata boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah itu Perbekalan Tambahan, saya hendak tanya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini dia, Tuan Pengerusi, suruh dia baca yang ini juga.

Dr Tan Seng Giaw: Apakah itu Perbekalan Tambahan, Perbelanjaan

Tambahan itu di mana, tunjukkan berapa jumlah, berapa amaunnya.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Secara detail.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bercakap saya punya hallah, macam mana cara trend saya hendak bercakap. Tuan bercakap mengikut trend baca di sini, baca di sana tetapi tidak ada makna. Saya bercakap penuh makna semua pihak faham (*Ketawa*) dan Yang Berhormat Menteri akan jawab dengan baik sekejap lagi soalan-soalan daripada saya.

Saya ini yang susah, Tuan Pengerusi, sebab apabila saya bercakap diganggu dengan perkara-perkara. Saya tidak mahu tengok di sana, saya hendak tengok di bawah (*Ketawa*). Jadi, kita tahu bahawa pengambilan balik tanah di kawasan Janda Baik kepada Pembangunan Bandar Baru Bukit Tinggi, ini melibatkan anggaran asal, dengan izin, token \$10.

Jadi Tuan Pengerusi, kita lihat bahawa pengambilan balik tanah ini biarlah diambil dengan secara keseluruhan, jangan di acquire, dengan izin, tanah-tanah itu dengan orang kata berperingkat-peringkat.

Dr Tan Seng Giaw: Tertib Mesyuarat 67 (9) lagi kerana ia masih berdegil untuk membincangkan perkara yang tidak ada di dalam Butiran, tidak ada perbelanjaan tambahan langsung. Jadi

Tuan Shahidan bin Kassim: Apa keputusan Tuan Pengerusi? Saya bercakap betulkah atau tidak?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Teruskan, inilah orang-orang yang tidak mengerti, bukan jahil.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Jangan Yang Berhormat. Teruskan. Jangan menyentuh dia.

Tuan Shahidan bin Kassim: Pengambilan balik tanah biarlah dengan secara keseluruhan dan tidak berperingkat-peringkat. Sebab berperingkat-peringkat kita tahu kalau diambil tahun ini

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat berucap di atas tajuk itu, Pembangunan Bandar Baru Bukit Tinggi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya bercakap berkenaan pembangunanlah. Dia hendak bangun

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Adakah wang cukup atau tidak cukup. Begitulah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu yang saya hendak cakap. Sekejap lagi sampai.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sampai sekarang lebih baik.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekejap lagi. Kalau sekiranya kita ingin mengambil tanah, jangan berperingkat-peringkat, biarlah dengan sekaligus. Dengan itu kita tidak menghadapi masalah peruntukan tambahan. Sebab kalau sekiranya kita mengambil dengan secara berperingkat-peringkat, maka tanah itu nilainya akan tinggi di tahun berikutnya walaupun kadang-kadang semasa kita hendak mengambil tanah dengan menggunakan kuasa-kuasa tertentu di bawah Kanun Tanah Negara, kita boleh menyekat tanah tersebut daripada naik harga tetapi ini tidak adil kepada tuan-tuan tanah.

Tuan Pengerusi, demikianlah cadangan dan juga pandangan saya mengenai perkara ini dan saya

cadangkan dan saya menyokong supaya Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Tambahan ini diberikan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.19 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya mengambil sedikit kesempatan untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan yang mana P.17 berhubung dengan Kementerian Wilayah Persekutuan yang mana tambahan dikehendaki \$69,150,000 yang sebentar tadi telah pun di perbahaskan daripada parti Barisan Nasional dan juga Pembangkang yang mana wang ini adalah diperuntukkan sebagai pinjaman kepada "Sabah Energy Corporation", dengan izin, dan membiayai "Sabah Gas Project" dan juga \$69 juta adalah dikehendaki sebagai pinjaman kepada Majlis Perbandaran Labuan untuk membiayai perancangan kawasan perindustrian, projek Gudang Sagu King menjelaskan hutang-hutang Majlis dan bayaran pampasan.

Saya pada mulanya hanya untuk membahaskan soal yang ada di dalam Kertas 31 ini sahaja tetapi Tuan Pengerusi, tadi kita telah dengar Wakil kalau tidak silap saya dari Sungai Besi telah pun menyentuh masalah-masalah yang ada di Wilayah Persekutuan Labuan berhubung dengan rumah kediaman dan seterusnya. Maka oleh yang demikian, saya berharap, saya juga hendak menyentuh perkara itu, sebab saya duduk di Wilayah Persekutuan ini, sepatutnya saya membincangkan juga soal itu saya harap wakil DAP janganlah nanti bangun untuk menyekat-nyekat apa yang saya

hendak cakap jika sekiranya terkeluar sedikit (*Ketawa*) daripada apa yang ada dalam Kertas Perintah ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, itu terpulanglah kepada saya.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Ya, Tuan Pengerusi, tetapi mata saya terpandang ke sana (*Ketawa*). Oleh yang demikian, masalah di Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan ini memang banyak sungguh pun tadi soal perumahan telah dibincangkan dengan begitu panjang tetapi masalah lain juga masih banyak di Kuala Lumpur ini. Masalah yang dihadapi oleh rakyat khususnya yang duduk di kawasan rumah tanpa izin, tanah-tanah haram, berhubung dengan air bah, penjaja-penjaja, penghisap dadah, penjenayah dan berbagai-bagai lagi masalah yang dihadapi oleh rakyat di Wilayah Persekutuan ini.

Selain dari itu dalam masalah kekurangan pekerjaan dan berkait dengan masalah kilang-kilang haram dan banyak lagi masalah yang patut saya hendak sebutkan di sini untuk mendapat pandangan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan agar dapat dirasai faedahnya oleh penduduk Wilayah Persekutuan yang begitu terdesak sebagaimana yang disebutkan tadi. Soal perumahan, kalau tak silap saya, semalam pun sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan mengenai jumlah rumah yang hendak dibina, perbelanjaan atau kosnya dan juga mengenai harga yang mampu dibayar oleh rakyat. Semalam juga pihak Kementerian dan Kerajaan Tempatan, malahan sebentar tadi telah mengatakan harga-harga yang berpatutan kepada rakyat.

Di sini saya menarik perhatian supaya Kementerian Wilayah Persekutuan berhubung dengan

keadaan tidak ada pekerjaan yang begitu banyak kepada pemuda-pemuda yang menganggur sekarang ini supaya dapat menyelesaikan sedikit masalah-masalah itu terutama di Wilayah Persekutuan, khususnya di Kuala Lumpur ini.

Apa yang sekarang ini kita lihat, kemungkinan peruntukan-peruntukan ini diberikan kepada Wilayah Persekutuan berhubung dengan tempat-tempat letak kereta ataupun "car-park" sekarang ini pakai meter. Kalau dapat pihak Kementerian Wilayah Persekutuan tidak lagi membanyakkan meter-meter itu kerana saya rasa jikalau tidak ada tambahan meter itu mungkin dapat menampung belia-belia dan beliawanis-beliawanis untuk mendapat pekerjaan, kalau digunakan mesin-mesin itu, mungkin menyebabkan kekurangan tenaga manusia dikehendaki.

Soal yang lain dalam masalah yang dihadapi sekarang ini patut diatasi iaitu kilang-kilang haram yang juga banyak di kawasan Kuala Lumpur ini yang mana tidak ada lesen dan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sekarang ini tidak membenarkan mereka itu beroperasi lagi.

Sungguhpun kilang-kilang itu bukanlah dipunyai oleh orang-orang Melayu iaitu kebanyakannya dipunyai oleh bangsa bukan bumiputera, tetapi oleh kerana Kerajaan kita Barisan Nasional ini untuk menolong semua kaum, tidak kira bangsa, warna atau keturunan, kita mengharapkan kilang-kilang yang ada ini supaya diberikan lesen buat sementara waktu kerana dalam masalah pengangguran yang banyak terdapat sekarang ini, dengan adanya kilang-kilang seumpama ini dapat penganggur-penganggur itu bekerja di kilang-kilang haram ini.

Pihak kilang-kilang ini bukanlah mereka itu tidak mahu membayar cukai dan sebagainya tetapi pihak

Dewan Bandaraya sendiri tidak mahu menerima lesen yang hendak mereka bayar kerana kononnya kilang-kilang itu ialah kilang haram.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, tentang mana?

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tentang P. 17 yang mana jumlahnya \$69 juta iaitu termasuk dalam keadaan-keadaan sebagaimana saya sebutkan pada mula-mula tadi, sepatutnya kita bincang soal Labuan, tetapi telah menyeleweng sedikit, sebagaimana Ahli dari Sungai Besi tadi sentuh mengenai perumahan. Jadi saya pun cuba juga kerana Tuan Pengerusi pun membiarkan (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, dia adalah Ahli yang baru. Ahli Yang Berhormat, saya beri sedikit peluang kepada dia, sebab dia Ahli baru.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Saya pun Ahli baru juga dalam Dewan Rakyat ini (*Ketawa*), baru dilantik 6hb Oktober.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, jangan sentuh dasar. Dua minit lagi, teruskan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Sebab diganggu-ganggu itu, saya pun terlupa. Soal dasar.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, jangan sentuh soal dasar.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Bukan, tadi Tuan Pengerusi mengatakan dasar apa, tadi ada juga disentuh soal pasar. Boleh masuk?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, Butiran 26, Komplek Perniagaan dan Pasar.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih, Tuan Pengerusi, butiran 26.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Tertib Mesyuarat 44 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, belum sampai di sana. Teruskan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Ya, saya teruskan sekarang ini. Tentang pasar itu pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sekarang telah membina pasar begitu cantik di Kuala Lumpur ini yang dapat kita lihat begitu bersih.

Kita mengucapkan ribuan terima kasih di atas daya usaha Dewan Bandaraya dan Kerajaan Barisan Nasional. Sungguhpun kita dalam Barisan Nasional ini bukan kita tidak hendak tegur, tidak mahu sentuh, tetapi mana yang betul katakan betul, mana yang tak betul itu pun kita sentuh juga. Itulah dasar Barisan Nasional, Tuan Pengerusi.

Oleh yang demikian, dalam soal pasar yang disebutkan tadi, di Kuala Lumpur ini, pasar-pasar besar, umpamanya Pasar Besar di Taman Tun Dr Ismail yang mana kita lihat sekarang ini pasar baru itu tidak ada penghuninya, tidak banyak kerana pembeli-pembeli nampaknya tidak begitu suka datang membeli belah di pasar tersebut.

Oleh yang demikian, saya mengharapkan bagaimanapun

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, boleh sambung hari Isnin. Sila duduk, Ahli Yang Berhormat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan

sehingga hari Isnin, 20hb Oktober, 1986 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.